

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَنَاةَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI SAINS KESIHATAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

MOHD HAIDZIR BIN ABD MANAF

KETUA UNIT KUALITI :

EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM

PENYELARAS :

NORHISHAM BIN HARON

PENULIS :

1. EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM
2. SITI NAZRINA CAMALXAMAN
3. NORHISHAM BIN HARON
4. EMIDA BT MOHAMED
5. EVANA BINTI KAMARUDIN
6. FATIN NUR NAJWA BINTI NORAZMAN
7. AIMAN NADIA AKMAR BINTI RAHMAN

8. ROSLINDA BINTI ISA
9. HUSNA BINTI AHMAD AINUDDIN
10. NAZRUL HADI BIN ISMAIL
11. SITI NORASHIKIN BINTI MOHAMAD SHAIFUDDIN
12. SITI NOR ISMALINA BINTI ISA
13. NUR SURAIYA BINTI ABU HASSAN SHAARI
14. HAIRUL NAZMIN BIN NASRUDDIN
15. NURUL KU HARMILA BINTI ABDUL ZALIF
16. NORAINI BINTI HASHIM
17. MOHD RAMADAN BIN AB HAMID
18. KARTINI BINTI ILIAS
19. FATIN NADZIRAH BINTI ZAKARIA
20. SITI ROHANA BINTI MOHD YATIM
21. NORDIANNA BINTI SEMAN
22. NAIM FAIZ BIN AHMAD IMRAN
23. ELLY LIYANA BINTI ZAINODIN
24. MOHD AMIRUL BIN TAJUDDIN
25. MOHD FAHMI BIN MASTUKI
26. NUR FARHANA BINTI MD YUNUS
27. RAFIDAH BINTI SUPAR
28. NURULAIN BINTI MUHAMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan FSK komited memastikan FSK sentiasa **mencapai kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Kepimpinan BHEA memahami **dasar-dasar UiTM dan halatuju Pendidikan negara** berpandukan *Malaysia Education Blueprint (2015-2025)*, Rancangan Malaysia ke-12 (2015-2025), *Globally Renowned University 2025* dan *Commits towards GRU2025*. Kepimpinan HEA telah **merangka pelan perancangan FSK berdasarkan Key Performance Indicator (KPI), melaksanakan pelan strategik berfokus, memantau pelaksanaan dan mengambil tindakan penambahbaikan**.

Pendekatan (A): Kepimpinan BHEA telah merangka pelan perancangan (**Plan**) berkaitan bidang tumpuan (BT) berdasarkan KPI yang ditetapkan UiTM dan objektif kualiti FSK. **Pelbagai pendekatan, transformasi dan inovasi berimpak tinggi dalam pengurusan BHEA FSK** khususnya dalam BT **telah dilaksanakan berlandaskan 6 UiTM Pillars: world class university members, turning globally marketable student, turning marketable staff & excellent supporting staff, highly involved industry, community, government agencies, and engaging alumni**. Kepimpinan BHEA telah melaksanakan (**Do**) pendekatan strategik dan berfokus melalui **4 Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert**.

Perluasan (D): Kepimpinan BHEA sentiasa memastikan **program kurikulum yang terkehadapan dan terangkum** melalui FSK Excel yang diketuai TDA dan disokong oleh sembilan unit/jawatankuasa yang berperanan menyokong kecemerlangan bidang tumpuan PdP, melalui Jawatankuasa **Leadership, Research & Teaching Innovation in Health Sciences Education (LATiH@FSK)**. FSK Excel menggalakkan peningkatan ilmu dan kepakaran dalam semua bidang pengurusan profesional dan penyelidikan. FSK Goes Global **memacu strategi pengantarabangsaan FSK ke peringkat antarabangsa** seiring dengan visi UiTM sebagai *Globally Renowned University* dengan memberi galakan dan **menjalinkan kerjasama strategik bersama industri dan jaringan global**. FSK Reach memberikan tumpuan kepada **pembangunan komuniti dengan melaksanakan projek komuniti berimpak tinggi** melalui SULAM dan CSR. Bagi FSK ClinExpert, BHEA FSK telah **menggunakan sepenuhnya Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK)** bagi meningkatkan kualiti PdP dan servis klinikal kepada pesakit.

Pembelajaran (L): Kepimpinan BHEA telah melaksanakan proses pemantauan (**Check**) yang **proaktif dan komprehensif** melalui pelbagai kaedah secara berkala. Kepimpinan BHEA telah menggunakan model **F.A.S.T. (Frequently discussed, Ambitious, Transparent, Specific and Speed)**, **Dashboard@FSK, LEAD Directors @FSK dan PDCA** dalam proses pemantauan. Isu-isu dan pelan penambahbaikan sentiasa dibincangkan dalam mesyuarat dengan melibatkan warga FSK dan pemegang taruh. **Pelbagai instrumen pemantauan** telah digunakan sepenuhnya seperti SIMS, AIMS, UFuture, MyATP, PRIME, I ACCREDIT dan Dashboard@FSK. Kepimpinan BHEA **sentiasa membuat penilaian risiko berdasarkan sistem daftar risiko UiTM**. Risiko yang telah dikenalpasti **telah dibentangkan dan dibincangkan** dalam mesyuarat dan proses kaji semula dan **tindakan penambahbaikan (Act)** telah diambil melalui kaedah **4W@HEA FSK (Why, Who, When, How)** dan **SWOT Analysis**.

Integrasi (I): Kepimpinan FSK telah **mengintegrasikan budaya cemerlang** dalam pengurusan BHEA berdasarkan 4 Teras Strategik Akademik FSK. Pembudayaan ini menerapkan konsep **ESI dan iDART UiTM**. FSK Excel membudayakan proses **semakan kurikulum terancang dan terangkum** iaitu proses semakan sentiasa dilakukan mengikut keperluan dan proses tadbir urus yang mapan dan tersusun. **Pembudayaan kolaborasi PdP** seperti CGCT juga diberikan tumpuan. BHEA telah mengintegrasikan PdP **melalui Inovasi Kit CGCT** yang menjadi dokumen utama dalam proses CGCT. Kepimpinan BHEA juga telah **menggalakkan pembudayaan pelaksanaan program PdP di peringkat antarabangsa** dengan mewujudkan **Summer**

Camp Package. Kepimpinan BHEA juga **mengintegrasikan konsep F.A.S.T**, iaitu salah satu model dalam komunikasi FSK di peringkat dalaman dan luaran.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan FSK fokus dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dalam *Malaysia Education Blueprint (2015-2025)*, *Rancangan Malaysia ke-12 (2015-2025)*, *Globally Renowned University 2025* dan *Commits towards GRU2025*. Kepimpinan FSK telah mengambil inisiatif berlandaskan enam tunjang utama UiTM bagi memastikan segala tindakan yang diambil selari dengan visi, misi, pelan tindakan strategik, dan **Objektif Kualiti UiTM dan FSK**.

Kepimpinan FSK melalui Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) yang diketuai TDA dan disokong oleh **sembilan unit/jawatankuasa** berperanan dalam menyokong kecemerlangan bidang tumpuan PdP. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, pendekatan kepimpinan diperkukuhkan melalui **pelantikan rasmi pengerusi /penyelaras/ koordinator program di peringkat fakulti dan pusat pengajian**. Pelantikan ini dibuat melalui **surat lantikan** berserta bidang tugas untuk menyelaras, memantau, dan melaporkan aktiviti PdP (Bukti 1.2.1). Kepimpinan BHEA telah **menyusun strategi yang dinamik dan inovatif** untuk menyelaraskan pencapaian PI FSK. Antara **inovasi** yang telah diperkenalkan BHEA ialah **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert** (Bukti 1.2.2).

FSK Excel bertujuan untuk memperkukuh dokumentasi kurikulum dan menghasilkan staf dan graduan yang berdaya saing di peringkat global. Melalui analisis SWOT, BHEA mendapati keperluan untuk meneruskan unit dalaman FSK iaitu **sub-unit CGCT dibawah Jawatankuasa LATiH** untuk menggalakkan aktiviti **Pengajaran Kolaboratif dan memperkenalkan inovasi CGCT KIT**. Jawatankuasa LATiH diteruskan pada tahun 2024 kerana keberkesannya dalam meningkatkan kecemerlangan PdP. Bagi memastikan kualiti PdP FSK setaraf dengan universiti antarabangsa, BHEA menggalakkan **aktiviti akademia bersama universiti dalam dan luar negara**. BHEA turut mengenalpasti keperluan utama latihan pensyarah dan staf pentadbiran untuk meningkatkan kecemerlangan PdP dengan menyediakan **peruntukan kewangan, peluang latihan, menghadiri persidangan, dan lawatan penanda aras** (Bukti 1.2.3).

Pendekatan BHEA selari dengan teras melahirkan graduan berdaya saing global dengan **menekankan MODEL A.D.A.B UiTM dan menyediakan pensyarah yang berkaliber, ruang kuliah yang kondusif, dan program yang bermanfaat**. BHEA telah menganjurkan **Majlis Anugerah Dekan (MAD)** untuk menyemarakkan semangat pelajar supaya konsisten dalam pembelajaran mereka. BHEA juga telah **melaksanakan Program Mentor-Mentee antara pensyarah dan pelajar**. Melalui program ini, pensyarah dapat memantau perkembangan pelajar. Kecemerlangan BHEA terserlah dalam **inovasi memperkukuh gerak kerja pengurusan kesihatan mental pelajar dan didaftarkan dalam Operational Excellence UiTM** (Bukti 1.2.3).

BHEA memfokuskan **FSK Goes Global** sebagai salah satu **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu fokus kepada aktiviti pengantarabangsaan melalui lantikan **Jawatankuasa Pengantarabangsaan** pada tahun 2023 sehingga 2025. FSK Goes Global telah berjaya membantu staf dalam **menganjurkan program inbound/outbound pelajar, MOU/MOA antarabangsa, serta persidangan, dan juga berjaya menjana pendapatan melalui aktiviti Summer Camp** (Bukti 1.2.4).

Kepimpinan BHEA telah menggalakkan kolaborasi antara FSK dengan komuniti, industri, dan alumni bagi menyokong teras **FSK Reach**. Setiap pusat pengajian berdasarkan kekuatan masing-masing telah melaksanakan pelbagai program komuniti seperti projek **SULAM, CSR/USR, dan KTP**. **Jawatankuasa SULAM** berperanan untuk membantu dalam pelaporan dan konsultasi bagi program SULAM (Bukti 1.2.5).

Bagi menyokong teras **FSK ClinExpert**, kepimpinan BHEA telah **melantik Pengurus Klinikal di peringkat FSK dan Koordinator Klinikal di peringkat pusat pengajian** bagi memastikan **penempatan latihan klinikal** teratur, dijalankan di premis yang lengkap dan kondusif (Bukti 1.2.5). Tambahan, **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK) FSK** juga digunakan

sebagai pusat latihan dan klinik pengajaran yang akan mengukuhkan PdP pelajar (Bukti 1.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB02_20251_FSK KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB02_20252_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB02_20253_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB02_20254_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB02_20255_FSK KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan FSK sentiasa berusaha memastikan pencapaian halatuju fakulti selari dengan aspirasi universiti dan kementerian. Oleh itu, FSK telah melaksanakan **perancangan yang sistematik, relevan dan bersepadu** dengan mengambil kira perkembangan teknologi terkini. Proses perluasan FSK yang menguruskan **aktiviti pembangunan akademik, pengurusan akademik, hal ehwal peperiksaan dan penilaian akademik** secara dalaman dan luaran FSK.

Proses implementasi perancangan di atas diselaraskan mengikut tahap perluasan iaitu secara **dalam dan luaran fakulti**. Perluasan di peringkat **dalam** dengan **penyebaran pekeling dalaman hasil daripada mesyuarat di peringkat FSK**. Perluasan dalaman melibatkan penggunaan **emel rasmi UiTM** dan **edaran memo** dalam bentuk emel ataupun bercetak (Bukti 1.3.1). Manakala, kepimpinan FSK sentiasa memperluaskan hebahan maklumat di **peringkat UiTM dan luar UiTM** dengan menggunakan **media rasmi FSK Website, WhatsApp dan media sosial FSK**. Selain itu, kepimpinan FSK turut menerapkan **komunikasi secara digital** di mana setiap pertanyaan boleh dijawab melalui media sosial (Bukti 1.3.2).

Perluasan FSK Reach dan FSK ClinExpert dijayakan melalui **Sambutan 20 Tahun FSK 2024**. Pelbagai program telah dijalankan seperti **health screening, STEM Camp dan Program Anak Angkat** yang memberi manfaat bukan sahaja kepada warga UiTM malah juga kepada komuniti luar. Program ini selari dengan inisiatif **FSK Reach** yang menekankan khidmat masyarakat serta **FSK ClinExpert** yang menonjolkan kepakaran akademik dan klinikal fakulti dalam menyumbang ilmu kepada masyarakat (Bukti 1.3.3).

Selain itu, proses peluasan ke luar sama ada **kebangsaan dan antarabangsa** melalui **sesi di televisyen (RTM,TV3), radio UFM, memberi ceramah, akhbar, Expo Selangkah dan penyertaan misi akademik** telah dijalankan (Bukti 1.3.4). Penglibatan pelajar dalam **summer camp, inbound/outbound dan program francais Sains Kesihatan di Qaiwan International University (QIU)** juga dapat memperluaskan kepimpinan FSK di **peringkat antarabangsa**. QIU berkerjasama dengan FSK dengan menggunakan aktiviti pembangunan akademik, pengurusan akademik, hal ehwal peperiksaan dan penilaian akademik yang sama dengan FSK. Ini menunjukkan kepimpinan BHEA terbukti berjaya diperluaskan hingga ke Iraq. Di samping itu, penyebarluasan dilaksanakan melalui pelantikan sebagai **penasihat akademik dan professor pelawat** dari universiti dalam dan luar negara juga membantu untuk memperluas kepimpinan FSK (Bukti 1.3.5). Pengiktirafan ini **membuktikan** bahawa pensyarah FSK diantaranya telah mencapai hasrat universiti iaitu **Goes Global**.

BHEA FSK juga mengalakkan pensyarah dan pelajar untuk **bergiat aktif dalam persatuan di luar UiTM** untuk memperluaskan halatuju fakulti selari dengan aspirasi universiti dan kementerian. Pensyarah dan pelajar ini menjadi duta dalam memperkenalkan FSK ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, kepimpinan akademik fakulti turut diperluaskan melalui **pengiktirafan pensyarah sebagai Editorial Board Member** dalam **jurnal luar negara**. Peranan ini memperlihatkan kebolehan pensyarah memimpin komuniti ilmiah di peringkat nasional dan antarabangsa (Bukti 1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB03_20251_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB03_20252_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB03_20253_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB03_20254_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB03_20255_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan BHEA telah melaksanakan proses pemantauan yang sistematis dan terancang bagi memastikan pelaksanaan PdP berjalan dengan terancang dan lestari. Proses sistematis ini merujuk kepada **Monitor@FSK** iaitu inovasi dalam pelan pemantauan PdP HEA yang berfokus kepada empat teras utama: FSK Goes Global, FSK Excel, FSK Reach, dan FSK ClinExpert bagi memastikan program akademik ditawarkan memenuhi aspirasi negara, universiti, industri, dan masyarakat.

Proses pemantauan berteraskan **model F.A.S.T@FSK** melalui **Monitor@FSK** dengan memfokuskan kepada 3 kumpulan utama, iaitu 1)Fakulti, 2)Pusat pengajian dan 3)Individu/Staf (Bukti 1.4.1a). Pendekatan dua hala iaitu 'top-down' melibatkan pelantikan pemimpin berkemampuan iaitu Dekan, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program dan Unit Latihan dan 'bottom-up' melibatkan pelaporan staf akademik kepada pihak kepimpinan menggunakan sistem **Dashboard@FSK** (Bukti 1.4.1a). Dashboard@FSK dipantau oleh Ketua Pusat Pengajian dan pengurusan tertinggi melalui mesyuarat pengurusan. Proses pemantauan di HEA FSK sentiasa dijalankan secara berkala (Bukti 1.4.1b). Mesyuarat-mesyuarat dijalankan secara berkala dan konsisten bagi memastikan segala perancangan dilaksanakan mengikut perancangan kepimpinan.

Pemantauan pelan strategik dan PI dilakukan melalui proses **flow and cascading** dari serahan BTU hingga pelaporan (Bukti 1.4.1c). Pengagihan PI dilakukan mengikut unit dibawah HEA dan dipantau oleh koordinator serta penyelarasan yang dilantik (Bukti 1.4.1d). Indikator pemantauan pencapaian PI dibuat empat kali setahun. Pada suku tahun ketiga, HEA FSK mengadakan **bengkel pecutan** untuk analisis awal pemantauan dan pencapaian PI.

Proses pemantauan dan pencapaian setiap penghasilan tindakan PdP **diadakan secara berterusan dan berkala setiap semester mengikut kitaran OBE dan analisis PDCA** (Bukti 1.4.1d). **Pencapaian diukur melalui indikator** seperti analisa keputusan peperiksaan, CDL-CQI, pencapaian PLO program, Penilaian Kendiri Program (PSRR), Indeks Daya Saing Program Akademik (IDSPA), semakan kurikulum, penilaian akreditasi program, pemantauan pemeriksa luar industri dan akademik. **Pelaporan pencapaian dibincangkan secara terperinci di beberapa mesyuarat akademik untuk menjamin kualiti program** (Bukti 1.4.1d).

Bagi **pemantauan pencapaian kompetensi akademik BHEA** menggunakan sepenuhnya sistem dari UiTM dan **inovasi FSK iaitu Dashboard@FSK** sebagai instrumen bagi memastikan staf mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan penambahbaikan boleh dilakukan (Bukti 1.4.1e). **Data pemantauan yang diperolehi dianalisa dan dibentangkan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** sekali setahun (Bukti 1.4.1e). Hasil daripada proses pemantauan ini dapat dilihat melalui pencapaian PI BHEA.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB04_KC01_20251_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC01_20252_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC01_20253_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC01_20254_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC01_20255_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1e.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan BHEA telah merancang dan memantau bidang tumpuan mengikut agenda fakulti, UiTM, kebangsaan, dan global. Kepimpinan BHEA menangani risiko dalam aktiviti akademik dan pentadbiran dengan menubuhkan **Jawatankuasa Pemilik Risiko**. Proses pengurusan risiko di BHEA FSK melibatkan tindakan pembetulan, penambahbaikan, kaji semula, atau pengguguran projek (Bukti 1.4.2a).

Tindakan kawalan risiko dilaksanakan dengan sistematik melalui proses mengenal pasti risiko. **Risiko yang berpotensi akan didaftarkan dan dikategorikan mengikut skop risiko** berdasarkan panduan pengurusan risiko UiTM iaitu: risiko strategik, kewangan, reputasi, perundangan, operasi, dan projek. Setelah itu, setiap risiko akan dinilai dari segi perincian dan tindakan pengawalan risiko akan dirangka dan dilaksanakan (Bukti 1.4.2b).

Melalui **Bengkel Perancangan Strategik FSK**, kepimpinan telah mengenal pasti dan mendokumentasikan risiko keutamaan dalam **Daftar Risiko FSK 2024** sebelum didaftarkan ke dalam **sistem eRMS**. Risiko pertama ialah KPI tahunan yang meningkat saban tahun, risiko kedua -kadar kes *mental illness* yang semakin meningkat, risiko ketiga– pencapaian GOT dan tamat belajar mengikut masa yang ditetapkan dan keempat - kebolehpasaran pelajar (Bukti 1.4.2c). Pemantauan risiko dinilai dan dibentangkan di **Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP** (Bukti 1.4.2d).

Bagi faktor risiko pertama, kepimpinan **telah mengambil langkah penambahbaikan** dengan beberapa siri **bengkel strategi dan agihan PI mengikut pusat pengajian**. Bagi risiko kedua, BHEA telah mengambil tindakan mewujudkan **Task Force Mental Illness** dengan kerjasama **Unit Kaunseling** untuk menangani isu masalah mental di kalangan pelajar. Bagi risiko ketiga, BHEA telah mengambil inisiatif melaksanakan pemantauan berkala melalui **Colloquium Postgraduate** dengan menjemput penceramah untuk memastikan momentum dan tahap pelajar pascasiswazah dalam pengajian dan bagi risiko keempat, BHEA telah mengambil tindakan dengan menganjurkan program **Profession Day @ Carrier Day** bagi pendedahan awal dan pemantapan kemahiran untuk melonjakkan kebolehpasaran pelajar (Bukti 1.4.2e).

Kepimpinan BHEA **komited memberi kesedaran kepada warga melalui sinergi media dan komunikasi strategik** bagi memastikan semua pihak memahami risiko yang mungkin timbul dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurusnya. Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, BHEA FSK bersama Unit Pengurusan Risiko FSK telah merancang tindakan pencegahan risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC02_20251_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC02_20252_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC02_20253_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC02_20254_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC02_20255_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2e.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan risiko adalah proses mengenalpasti, menilai, dan mengawal risiko, yang menjadi ciri utama organisasi cemerlang. **BHEA FSK mengamalkan tindakan positif terhadap potensi risiko, mempertimbangkan kelemahan dalam latihan dan kawalan sumber manusia, proses kerja yang tidak lengkap, ketidakpatuhan proses, dan gangguan sistem.** Proses **Analisa ACT@FSK** menunjukkan BHEA berusaha mengawal risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan (Bukti 1.4.3a).

Proses Analisa@FSK:

- i. Mengumpulkan data hasil penambahbaikan prestasi
- ii. Menilai data
- iii. Mengenalpasti kejayaan dan kelemahan
- iv. Menyemak analisis kelemahan
- v. Mengambil Tindakan penambahbaikan

1. Mengumpulkan data hasil penambahbaikan prestasi:

Tahap pertama dalam analisis adalah mengumpulkan semua data dan informasi yang berkaitan dengan tindakan penambahbaikan prestasi yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan PnP (Bukti 1.4.3b).

2. Menilai data:

Kepimpinan BHEA FSK akan melakukan penilaian komprehensif terhadap data yang dikumpulkan. Penilaian tren dan perubahan dari tindakan penambahbaikan yang telah diambil akan dilihat melalui **indikator pemantauan pencapaian PI** (Bukti 1.4.3c).

3. Mengenalpasti kejayaan dan kelemahan:

Kepimpinan BHEA FSK mengenalpasti kejayaan sebagai hasil dari tindakan penambahbaikan prestasi. Ini merangkumi menilai KPI yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Kelemahan prestasi di mana tindakan penambahbaikan tidak mencapai hasil yang diharapkan dinilai melalui **4W@BHEA FSK** (Bukti 1.4.3d).

4. Menyemak analisis kelemahan:

Kepimpinan BHEA FSK memahami keberkesanan tindakan penambahbaikan melalui **semakan analisis laporan audit** dan pemantauan menggunakan **analisis SWOT** (Bukti 1.4.3d). Laporan penemuan Audit Dalam dan Audit Prosedur menjadi platform penting untuk kajian semula dan penambahbaikan yang dibincangkan dalam MSKP. Hasil penemuan audit dianalisis dan dibentangkan kepada ketua jabatan, yang kemudian menyampaikan hasil mesyuarat kepada staf untuk tindakan penambahbaikan yang efisien.

5. Mengambil tindakan penambahbaikan:

Hasil penambahbaikan bagi semua risiko dapat dilihat dengan kejayaan (1) telah meningkatkan prestasi FSK dengan kejayaan pencapaian KPI, (2) telah mengurangkan kes mental illness di kalangan pelajar (3) telah meningkatkan jumlah GOT dan tamat belajar bagi pelajar pascasiswazah dan ke (4) telah meningkatkan kebolehpasaran pelajar (Bukti 1.4.3e).

Kesimpulannya, BHEA telah memantau dan menganalisis hasil perancangan strategik untuk penambahbaikan, dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan FSK, dan dikongsi dengan warga FSK. Pengurusan risiko yang komprehensif memastikan semua risiko dikenalpasti, dinilai, dan dikendalikan dengan berkesan, membantu mencapai matlamat dan KPI serta memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC03_20251_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC03_20252_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC03_20253_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC03_20254_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC03_20255_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3e.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan FSK telah mengintegrasikan budaya cemerlang dalam pengurusan BHEA berdasarkan 4 Teras Strategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert. Pembudayaan ini menerapkan konsep ESI dan iDART UiTM. Selain itu, **kepimpinan BHEA menggunakan pendekatan ECSI (Empowering, Connecting, Strengthening, Inspiring)** bagi memupuk budaya cemerlang dalam kalangan warga FSK (Bukti 1.5.1).

Bagi FSK Excel, kepimpinan BHEA membudayakan proses **semakan kurikulum terancang dan terangkum** iaitu proses semakan sentiasa dilakukan mengikut keperluan dan **proses tadbir urus yang mapan dan tersusun** menerusi proses pembentangan kurikulum mengikut prosedur operasi standard. Proses ini juga merujuk kepada **Quadruple Helix Engagement Model (QHEM)**, berdasarkan 4 sumber utama dan memberikan impak kepada 4 kumpulan utama. Kepimpinan FSK turut membudayakan **Benchmarking Assessment** bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan dan terkehadapan (Bukti 1.5.2).

Selain itu, **pembudayaan kolaborasi PdP** seperti CGCT juga diberikan tumpuan. Proses integrasi yang telah dilaksanakan oleh BHEA ialah melalui Inovasi **Kit CGCT** yang menjadi dokumen utama dalam proses CGCT. Para pensyarah amat mudah mendapatkan dokumen dan sumber rujukan bagi pendaftaran dan pelaporan CGCT. Selain itu, BHEA sentiasa memupuk budaya kecemerlangan pelajar dengan menganjurkan **Majlis Anugerah Dekan**, 2 kali pada setiap tahun. BHEA telah membudayakan PdP berteraskan teknologi dengan menggalakkan **pembangunan MOOC dan Microcredential**. Pembudayaan ini dibuktikan melalui sokongan kewangan kepimpinan FSK untuk melaksanakan kursus-kursus berkaitan pembangunan bahan pembelajaran atas talian, pendaftaran kursus MOOC dan MC dan menyertai pertandingan e-Condev yang dianjurkan UiTM (Bukti 1.5.3).

Bagi FSK Goes Global, kepimpinan BHEA juga telah menggalakkan **pembudayaan pelaksanaan program PdP di peringkat antarabangsa** dengan mewujudkan **Summer Camp Package**. Pada tahun 2023, kepimpinan telah mengenalpasti keperluan untuk melaksanakan program peringkat antarabangsa setiap tahun dan menggalakkan setiap Pusat Pengajian menganjurkan program *Summer Camp*. Oleh itu, **Summer Camp Package** telah diwujudkan sebagai salah satu proses integrasi pembudayaan di FSK (Bukti 1.5.4).

Bagi FSK Reach, kepimpinan BHEA sentiasa membudayakan program khidmat komuniti iaitu **SULAM, CSR dan KTP** sebagai **budaya pemindahan ilmu dari kampus ke masyarakat dan membantu pemantapan PdP dari aspek skills based learning**. Program-program ini telah dijalankan diperingkat nasional dan antarabangsa dan menjadi budaya di FSK. Selain itu, para pensyarah telah **membudayakan penulisan ilmiah** di akhbar atau media tempatan sebagai salah satu cara perkongsian ilmu kepada masyarakat umum (Bukti 1.5.4).

Bagi FSK ClinExpert, kepimpinan HEA telah **membudayakan dan memastikan pemberian khidmat kesihatan terbaik** melalui **PRPK** kepada pesakit dari UiTM dan luar UiTM. Contohnya, operasi klinik mengikut SOP yang ditetapkan dan sentiasa mengambil maklum maklumbalas daripada pesakit. PRPK juga membantu proses PdP dengan menyediakan tempat latihan klinikal kepada pelajar FSK (Bukti 1.5.5).

Kepimpinan BHEA mengintegrasikan konsep F.A.S.T, iaitu salah satu model FSK dalam komunikasi FSK di peringkat dalaman dan luaran. **FSK telah menggunakan media massa dengan teknologi komunikasi terkini** seperti emel, laman sesawang, media sosial dan aplikasi messaging seperti WhatsApp. **BHEA juga menggunakan media massa utama seperti akhbar dan majalah**. Segala maklumat yang diterima di peringkat atasan sentiasa dimaklumkan kepada semua warga FSK (dalaman) dan orang luar melalui pelbagai medium dan secara berterusan (Bukti 1.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB05_20251_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB05_20252_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB05_20253_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB05_20254_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB05_20255_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik FSK digubal selari dengan **Pelan Strategik UiTM2025**, agenda pembangunan negara dan tren global termasuk **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025**, **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**, **Revolusi Industri 4.0**, **Masyarakat 5.0** dan **Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)**. Melalui pelaksanaan **Strategic Action Plan (SAP) FSK 2024**, fakulti memberi penekanan kepada pemerkasaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengukuhan latihan klinikal, agenda pengantarabangsaan serta jalinan kolaborasi bersama komuniti, industri dan alumni, ke arah melahirkan graduan yang berdaya saing di peringkat global.

Pendekatan (A): Pendekatan yang diambil bagi merangka SAP FSK 2024 (**Plan**) adalah berasaskan **analisis prestasi pencapaian tahun 2023**, **analisis SWOT** dan **idea inovasi fakulti**, selaras dengan **Perancangan Strategik Jangka Panjang 2020-2025 FSK**. Hasilnya, tindakan strategik FSK yang inklusif disusun dan dilaksanakan (**Do**) berpandukan **4 Teras Strategik Akademik** utama iaitu FSK Excel; inisiatif untuk memartabatkan kualiti sistem pendidikan, FSK Goes Global; inisiatif bagi memantapkan PdP melalui pengantarabangsaan, FSK Reach; inisiatif bagi memperkasakan PdP melalui kolaborasi komuniti, industri dan alumni, dan FSK ClinExpert; inisiatif untuk mengukuhkan latihan dan perkhidmatan klinikal bagi mendukung proses PdP di FSK.

Perluasan (D): Implementasi inisiatif strategik FSK dilakukan melalui penglibatan menyeluruh warga fakulti. Seramai **5 peneraju projek telah dilantik** bagi membantu FSK merealisasikan setiap projek yang dirangka. **Pembahagian PI, penetapan matlamat, sasaran dan garis masa** bagi setiap projek dilakukan setelah mengenalpasti kapasiti dan kekuatan setiap pusat pengajian dan jawatankuasa pelaksana. Bagi memastikan 4 Teras Strategik Akademik ini dicapai, FSK telah menyebarkan SAP 2024 ini kepada warga FSK melalui **Majlis Amanat Dekan** serta hebahan melalui **laman sesawang rasmi fakulti**.

Pembelajaran (L): Pembelajaran daripada hasil pelaksanaan dimanfaatkan melalui sesi **pemantauan suku tahunan (Check)** menggunakan **Dashboard@FSK** dan **Bengkel Pecutan SAP**. Melalui mekanisme ini, objektif yang belum tercapai dapat dikenalpasti, isu yang timbul dapat dianalisis, dan langkah intervensi dapat dirangka dengan lebih berkesan. Pembelajaran berterusan digerakkan melalui **sesi perkongsian** bersama panel yang berkepakaran tinggi serta **kolaborasi bersama industri dalam dan luar negara**. Penambahbaikan (**Act**) turut dilaksanakan melalui **agihan PI yang lebih seimbang, pengukuhan promosi antarabangsa, serta peningkatan kapasiti staf dalam aspek PdP, MOOC dan eCONDEV**. Strategi-strategi ini membolehkan fakulti menyesuaikan diri dengan perubahan semasa, di samping meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.

Integrasi (I): Integrasi dicapai melalui penyelarasan rapat dengan visi dan misi UiTM, di samping menyokong agenda pembangunan negara dan keperluan global. Pendekatan menyeluruh ini memastikan setiap inisiatif fakulti bukan sahaja memberi impak dalaman, malah menyumbang kepada reputasi universiti di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini dibuktikan dengan **pencapaian enam bintang dalam Penunjuk Prestasi UiTM 2024**, sekaligus memperkukuh kedudukan FSK sebagai sebuah fakulti yang progresif, berdaya saing dan mampan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan strategik Fakulti Sains Kesihatan untuk tempoh 2020-2025 merupakan satu perancangan yang komprehensif dan jitu dalam visi fakulti ke arah puncak keunggulan institusi dan keserjanaan akademik. Matlamat fakulti dalam penghasilan graduan cemerlang, berkeperibadian kreatif, inovatif, dan berkemahiran tinggi bertepatan dengan visi UiTM, **“globally renowned, locally rooted”** dan fakulti mengambil inisiatif memupuk semangat kerja berpasukan dengan meniupkan semangat **“We are FSKians”**, menerapkan nilai **PRIDE (Personal Responsibility in Delivering Excellence)** serta mengekalkan nilai **ESI-IDART**.

Perancangan ini dibangunkan melalui pelan strategik komprehensif yang menekankan nilai estetik setiap ahli fakulti sebagai asas kecemerlangan. Selaras dengan **Perancangan Strategik Jangka Panjang FSK 2020–2025, Strategic Action Plan (SAP) FSK 2024** dirangka hasil sinergi antara pihak pengurusan dan pelaksana, berteraskan analisis pencapaian 2023, semakan SAP terdahulu, analisis SWOT, serta elemen inovasi (Bukti 2.2.1). Dengan idea dinamik serta kerjasama merentasi pusat pengajian, jabatan, unit dan individu, SAP berperanan sebagai pemangkin kecemerlangan. Berpaksikan **Dasar Kualiti UiTM dan objektif kualiti FSK**, ia menzahirkan komitmen fakulti untuk menyediakan pendidikan bertaraf global dalam bidang Sains Kesihatan yang berorientasikan pelanggan, penyelidikan dan perundingan (Bukti 2.2.2).

Pengajaran dan pembelajaran merupakan agenda utama kecemerlangan FSK. Pelbagai inisiatif dijalankan oleh BHEA untuk memastikan pencapaian gemilang FSK berteraskan tiga tujuan utama UiTM: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berasaskan Nilai**. Ini dapat dilihat dari trend peningkatan PI HEA yang disasarkan dari tahun 2020 hingga 2023. Dari sejumlah 13 PI yang disasarkan, BHEA telah mengenalpasti kapasiti dan kekuatan fakulti melalui **Perancangan Strategik Jangka Panjang, Taktikal dan Operasi** dengan merangka inovasi **Teras Strategik Akademik FSK** bagi tahun 2024 (Bukti 2.2.3). Setiap agenda utama telah dikenalpasti, dibentangkan, dan dipersetujui melalui sesi bengkel serta mesyuarat strategik yang menjadi platform penting bagi memastikan segala aspek diperincikan dan disahkan dengan tepat. Penyelarasan agenda ini turut memenuhi keperluan PI HEA dengan penekanan kepada empat teras utama.

Untuk mencapai sasaran penghasilan graduan dan staf di pasaran global, **FSK Excel** berteraskan **Teras Strategik 1: Pendidikan Berkualiti** bagi memenuhi **Tunjang Strategik 1: Ahli Fakulti Bertaraf Dunia** dan **Tunjang Strategik 2: Kebolehpasaran Pelajar Secara Global**. Manakala **FSK Goes Global** menjurus kepada **Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global** dengan memenuhi **Tunjang Strategik 3 dan 4: Kebolehpasaran Staf Secara Global dan Kecemerlangan Staf Sokongan**. **FSK Reach** adalah teras ketiga yang memenuhi **Tunjang Strategik 5: Keterlibatan Industri dan Komuniti, Pihak Berkuasa, dan Agensi Kerajaan**. Serta, **FSK ClinExpert** sebagai **teras strategik unik FSK** yang mewujudkan persekitaran klinikal sebenar kepada pelajar dan sumber janaan pendapatan fakulti (Bukti 2.2.4).

Bagi menjayakan inisiatif ini, fakulti menubuhkan pasukan pelaksana yang berwibawa melalui **pra-bengkel, Bengkel Perancangan Strategik FSK 2024, mesyuarat pengurusan tertinggi, pengagihan PI kepada PP serta pembentukan jawatankuasa kecil**. Sinergi ini memberi impak menyeluruh kepada pelajar, staf dan pihak berkepentingan. **Hebahan hala tuju strategik** diperkukuh melalui **mesyuarat jabatan, platform WhatsApp rasmi, laman facebook rasmi** serta laporan berkala. Langkah ini memastikan data dikumpul konsisten dan dapat dipantau seluruh warga fakulti (Bukti 2.2.5).

Pendekatan sistematik ini bukan sahaja mengoptimumkan pelaksanaan strategi, malah empat teras strategik yang digariskan dijangka berupaya melonjakkan kecemerlangan pelajar, memperkasa kompetensi ahli fakulti di persada global, serta memperluas jaringan kolaborasi merentas sempadan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB02_20251_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB02_20252_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB02_20253_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB02_20254_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB02_20255_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif SAP FSK telah dirancang sejajar dengan matlamat dan agenda universiti seperti yang digariskan oleh **Pelan Strategik (PS) UiTM 2025**. Agenda pembangunan negara dan trend global, termasuk **PPPM 2015-2025**, **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**, **Revolusi Perindustrian 4.0**, **Masyarakat 5.0**, dan **Matlamat Pembangunan Lestari** (SDGs) digunakan sebagai prinsip panduan bagi memastikan SAP FSK selari dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh universiti khususnya, dan negara amnya. Sehubungan itu, **SAP FSK** pada tahun 2024 telah dilaksanakan bagi mencapai **13 PI** dalam bidang tumpuan berdasarkan sasaran yang telah diterima dari Bahagian Transformasi UiTM (BTU). Bagi mencapai PI yang telah disasarkan, empat **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel**, **FSK Global**, **FSK Reach**, dan **FSK ClinExpert** telah dirangka bersandarkan **3 Teras Strategik UiTM 2025** (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berasaskan Nilai) dan **6 Tunjang Strategik UiTM 2025** (Ahli Fakulti Bertaraf Dunia, Kebolehpasaran Pelajar Secara Global, Kebolehpasaran Staf Secara Global, Kecemerlangan Staf Sokongan, Keterlibatan Industri dan Komuniti, Pihak Berkuasa, dan Agensi Kerajaan, dan Keterlibatan Alumni) (Bukti 2.3.1).

Implementasi inisiatif strategik FSK **melibatkan semua warga FSK** termasuk pensyarah, staf pentadbiran, staf sokongan dan pelajar. Seramai **5 peneraju projek** yang terdiri daripada Koordinator SULAM, Penolong Pendaftar Akademik, Koordinator e-Pengajaran, KPPS dan Koordinator UiTM Global telah dilantik bagi membantu menjayakan setiap projek yang dirangka. TDA FSK selaku peneraju utama bidang tumpuan telah memastikan penerangan PI dan strategi yang telah dirangka oleh fakulti difahami oleh setiap peneraju projek serta Ketua Pusat Pengajian (KPP) semasa **Mesyuarat Pengurusan FSK** dan **bengkel SAP** yang dilaksanakan pada awal tahun. Pembahagian PI, penetapan matlamat, sasaran dan garis masa bagi setiap projek dan pusat pengajian juga telah dilaksanakan semasa mesyuarat dan bengkel tersebut (Bukti 2.3.2). Seterusnya, peneraju projek dan KPP menyebarkan luas sasaran PI kepada semua warga melalui **mesyuarat di peringkat pusat pengajian** dan jawatankuasa berkaitan (Bukti 2.3.3).

Selain itu, perluasan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan telah disebarluaskan kepada warga FSK melalui **Majlis Amanat Dekan** (Bukti 2.3.4) dan beberapa siri mesyuarat termasuklah Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Pusat Pengajian, dan mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan. Majlis Amanat Dekan khususnya melibatkan sesi **penerangan oleh Dekan dan TDA** tentang hala tuju fakulti dan menyebarkan maklumat berkaitan inisiatif fakulti dalam bidang tumpuan. Ia dilaksanakan pada awal tahun 2023 bagi memastikan setiap warga FSK memahami dan menjiwai perancangan strategik yang telah dirangka serta berusaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Penyebarluasan SAP ini turut diperkukuh melalui **perbincangan sasaran setiap ahli di peringkat pusat pengajian dan jawatankuasa berkaitan** semasa mesyuarat susulan. Sebagai langkah proaktif, pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategik FSK turut **disebar luas di seluruh sistem UiTM** melalui hebahan aktiviti di laman web rasmi dan media sosial FSK (Bukti 2.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB03_20251_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB03_20252_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB03_20253_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB03_20254_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB03_20255_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik tercapai dan dilaksanakan dengan berkesan, pihak HEA FSK menggunakan **sistem pemantauan UiSMS UiTM dan Dashboard@FSK** (Bukti 2.4.1a). Sistem ini dikemaskini dan diselia oleh Pejabat Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU) dan pengemaskinian dilaksanakan oleh TDA. **Hasil daripada pemantauan ini dibentangkan kepada 3 kumpulan utama iaitu: fakulti, pusat pengajian dan staf** (Bukti 2.4.1b). Pemantauan ini dilaksanakan **setiap tiga bulan iaitu pada Q1: April 2024, Q2: Julai 2024, Q3: Oktober 2024 dan Q4: Januari 2025** demi memastikan SAP FSK dapat dicapai. Pemantauan ini dilaksanakan di semua peringkat iaitu pusat pengajian, peringkat pengurusan dan juga peringkat pengurusan tertinggi melalui pelaporan yang dibentangkan melalui **mesyuarat pusat pengajian, Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) dan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** (Bukti 2.4.1b).

Hasil pemantauan dan laporan serta kejayaan yang dicapai disebarkan dengan secara menyeluruh di kalangan warga kerja fakulti melalui **poster, laman sosial FSK dan kumpulan whatsapp Akademik FSK** agar menjadi motivasi warga kerja FSK dan pada masa sama meningkatkan visibiliti FSK. **Bengkel Pecutan SAP FSK 2024** (Bukti 2.4.1c) turut dilaksanakan bagi **mengenalpasti kesemua objektif PI yang belum tercapai dan cara untuk mengatasi permasalahan** tersebut. Selain itu BHEA dan **jawatankuasa audit fakulti turut memastikan pusat pengajian melaksanakan self- review report (SRR)** bagi tujuan refleksi bidang yang memerlukan perhatian agar penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan. Amalan SRR ini diselia dan dipantau oleh **Integrated Quality Management System (iQMS) UiTM** (Bukti 2.4.1d).

FSK Goes Global adalah salah satu **bidang tumpuan (BT) HEA** yang menekankan kepada pengantarabangsaan. Bagi mencapai matlamat ini pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan antaranya sangkutan pelajar dan staf, **program summer camp**, program mobiliti antarabangsa, penganjuran seminar antarabangsa benchmarking dan lain-lain. **Laporan program yang lengkap yang dibentangkan kepada jawatankuasa program dan HEA** terdiri daripada proses perancangan, pelaksanaan program, laporan maklumbalas program merupakan **strategi pemantauan** berkesan membawa kepada pencapaian yang cemerlang (Bukti 2.4.1e).

Hasil pemantauan berkesan yang dilaksanakan FSK berjaya meningkatkan produktiviti dan membantu pengesanan awal masalah serta meningkatkan kualiti pengurusan dalam memastikan objektif tercapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB04_PC01_20251_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC01_20252_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC01_20253_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC01_20254_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC01_20255_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.4.1e.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSK mengambil langkah pengurusan risiko yang sistematik dan teliti berpandukan **proses pengurusan risiko UiTM** (Bukti 2.4.2a) bagi memastikan penetapan strategi dapat dicapai dengan mengambil kira risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi. Pengurusan risiko ini bertujuan untuk menggalakkan budaya kerja yang proaktif selain membantu pengurusan untuk membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan risiko.

Penyelaras Risiko FSK dilantik bagi mengenalpasti dan memantau status risiko secara berterusan (Bukti 2.4.2b). **Mesyuarat pengurusan risiko** dilaksanakan pada awal tahun agar faktor risiko luaran dan dalaman dapat dikenalpasti awal dan PTJ cakna dan langkah-langkah mitigasi dapat dilaksanakan (Bukti 2.4.2c). Selain mesyuarat risiko, **Bengkel Pecutan SAP** yang dilaksanakan juga telah mengenalpasti beberapa risiko yang memberi kesan kepada PI fakulti. **Analisa SWOT** juga turut dijalankan bagi mengenalpasti risiko oleh pihak pengurusan risiko fakulti. Analisa SWOT ini dilaksanakan melalui bengkel perancangan strategik di mana pihak PTJ dan ahli-ahli berpengalaman berbincang dan menganalisa proses dan faktor yang kemungkinan menyumbang kepada risiko. Selain itu **laporan audit** turut diambil kira.

Setelah risiko-risiko ini dikenalpasti, risiko ini diklasifikasikan dan tahap kebarangkalian risiko ini boleh berlaku dinilai (Bukti 2.4.2d). Penilaian Risiko ini dilaksanakan bagi membantu pihak pengurusan mengambil tindakan kawalan yang bersesuaian. Kesemua risiko yang dikenalpasti ini didaftarkan ke dalam **sistem eRMS FSK**.

Antara risiko-risiko PdP yang telah dikenalpasti ialah (Bukti 2.4.2d):

1. **Pendedahan staf kepada bahan kimia berbahaya** kepada kesihatan dikategorikan **sederhana**
2. **Masalah kulat yang berlaku di makmal-makmal, klinik-klinik dan ruang pembelajaran pelajar** menjejaskan proses (PdP) serta kesihatan staf dan pesakit di klinik: kategori **tinggi**
3. Risiko kerosakan peralatan makmal yang usang dan memerlukan pembaikan: kategori **sederhana**
5. **Kekangan kewangan** bagi pelaksanaan penilaian OSCE dan OSPE: kategori **ekstrem**

Setelah risiko ini dikenalpasti **tindakan pencegahan diusulkan oleh jawatankuasa pemilik risiko** bagi mengawal risiko-risiko ini. Sebagai **contoh, masalah serangan kulat** telah dibawa kepada **jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan UiTM cawangan Selangor (JKKPUCS)** bagi menangani masalah ini (Bukti 2.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC02_20251_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC02_20252_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC02_20253_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC02_20254_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC02_20255_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.2e.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada maklumbalas dan analisa strategik, pihak pengurusan fakulti telah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan dapat dilaksanakan. Bengkel Pecutan Performance Indicator dilaksanakan sebanyak 2 kali iaitu pada awal dan akhir tahun bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan prestasi (Bukti 2.4.3a). Pemantauan yang dilaksanakan secara berkala oleh pihak pengurusan tertinggi FSK merupakan penanda aras dan faktor kajian semula pelan strategik FSK dijalankan.

Selain itu, pihak pengurusan turut melaksanakan sesi Townhall bersama semua warga fakulti termasuk kakitangan akademik dan pentadbiran bagi menggalakkan perkongsian pendapat, kritikan, dan cadangan secara bebas. Sesi ini menjadi platform bagi menggalakkan interaksi serta mewujudkan perkongsian pandangan dan idea warga fakulti tentang cara meningkatkan dan menambahbaik prestasi fakulti (Bukti 2.4.3b).

Siri bengkel strategi turut dilaksanakan untuk menerangkan proses kerja bagi mencapai sasaran PI. Bagi menghargai usaha dan pencapaian warga FSK, pihak pengurusan fakulti turut memberikan penghargaan seperti surat penghargaan dan menganjurkan beberapa program seperti Majlis Anugerah Kualiti (Bukti 2.4.3c) bagi menghargai dan memberi motivasi kepada warga FSK yang telah berusaha dan berganding bahu bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Masalah kewangan merupakan salah satu risiko yang merencat prestasi PI A&A. Untuk mengatasi masalah ini, pihak HEA FSK telah melaksanakan beberapa strategi antaranya: memohon bajet perbelanjaan daripada pihak bendahari UiTM untuk suntikan dana tambahan agar program PdP dapat dilaksanakan (Bukti 2.4.3d). Selain itu HEA FSK turut mengukuhkan strategi dengan meningkatkan pelaksanaan projek teras akademik FSK seperti memperkukuhkan pemeteraian MoU dan MoA bersama rakan industri yang boleh dipantau melalui sistem NILAM UiTM (Bukti 2.4.3e). Selain itu fakulti turut menggalakkan program penjana pendapatan dan pengantarabangsaan seperti menganjurkan program summer camp, konferens, seminar, bengkel dan perkhidmatan klinikal. Strategi penambahbaikan FSK ini menerima pengiktirafan daripada pihak UiTM (MeTIC) (Bukti 2.4.3e) dan industri.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC03_20251_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC03_20252_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC03_20253_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC03_20254_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC03_20255_FSK_PEMBELAJARAN_BUKTI_2.4.3e.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan cara kerja dan ekosistem FSK dirancang secara menyeluruh, berlandaskan sasaran yang jelas serta inisiatif yang terarah, dengan berpaksikan nilai-nilai murni UiTM demi melahirkan hasil kerja yang cemerlang. Pemantauan berkala melalui inovasi **Dashboard@FSK** dilaksanakan oleh pemimpin FSK yang terdiri daripada Majlis Pengurusan Eksekutif, Ketua Pusat Pengajian, dan Jawatankuasa Pelaksana.

Pemeriksaan kualiti pengajaran dan pembelajaran diperkukuh melalui pembelajaran berterusan yang dilaksanakan secara konsisten. Anggota akademik turut diberi **pengiktirafan, anugerah, pencapaian inovasi** serta menerima **lantikan penasihat luar akademik dan badan profesional**, termasuk **lantikan profesor adjung** (Bukti 2.5.1). Usaha kecemerlangan juga digerakkan melalui **kerjasama erat dengan rakan akademik dalam dan luar negara**, disokong oleh **pemeteraian MoU serta MoA** yang sering didahului **sesi meet and greet, lawatan akademik**, serta amalan **benchmarking berasaskan standard antarabangsa** (Bukti 2.5.2). Pendekatan ini bukan sahaja menepati pencapaian Petunjuk Prestasi (PI), malah mencerminkan keterbukaan fakulti terhadap **budaya kolaborasi global, pertukaran ilmu, dan perkongsian amalan terbaik** yang mampu melonjakkan kecemerlangan fakulti ke persada dunia.

Pembudayaan kualiti kerja cemerlang diperkukuh melalui semangat sinergi dan daya saing dalam kalangan warga FSK, agar setiap individu jelas dengan peranan masing-masing dalam mencapai matlamat bersama, sambil memperkukuh budaya kerjasama, amanah dan tanggungjawab. Pencapaian fakulti dilaporkan secara sistematik melalui **data statistik dan poster pengiktirafan**, kemudian dihebahkan di platform media sosial rasmi FSK dengan hashtag **#fskpower** dan **#fskcemerlang**. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan **nilai tampak fakulti di dalam dan luar UiTM**, malah menjadi pemangkin motivasi serta menyuntik semangat daya saing dalam kalangan staf dan warga FSK (Bukti 2.5.3).

Setiap pencapaian diraikan melalui ucapan penghargaan, tahniah, sijil, serta hebahan di pelbagai platform rasmi fakulti. Antara pengiktirafan yang membanggakan ialah kejayaan dalam pertandingan inovasi **Econdev, Anugerah Pengurusan Kualiti Program Akademik Terbaik 2024, Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ**, serta **Anugerah Kolaborasi Industri Terbaik MeTIC 2025 (Physio-link: Academic-Industry Nexus for Clinical Excellence)**. FSK turut meraih tempat ketiga dalam **Anugerah Jaringan Antarabangsa Berimpak MeTIC 2025 (Global Nexus 2024: Alleviating Health through Strategic Alliances)** (Bukti 2.5.4). Di peringkat **AKPU 2024** pula, FSK unggul dengan **tempat pertama bagi Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM (Kolej Pengajian/Fakulti)** dan **Anugerah Kualiti Pengajaran & Pembelajaran**, selain **tempat ketiga bagi Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: Pillar 3 & 4** (Bukti 2.5.5).

Secara keseluruhan, kejayaan Fakulti Sains Kesihatan berpunca daripada integrasi kukuh antara perancangan, pelaksanaan dan pencapaian. Setiap langkah yang disusun secara bersepadu membuktikan kecekapan fakulti mengurus strategi jangka panjang ke arah kecemerlangan berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB05_20251_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.5.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB05_20252_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.5.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB05_20253_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.5.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB05_20254_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.5.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB05_20255_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSK komited melaksanakan budaya kualiti berterusan berteraskan pelanggan melalui 4 Teras Strategik Akademik FSK . Usaha ini menyasarkan pelanggan dalaman dan luaran. Pencapaian unntuk tumpuan kepada pelanggan diukur bagi menjamin perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan berlaku secara konsisten, selari dengan aspirasi UiTM untuk menjadi institusi pendidikan tinggi yang *globally renowned, locally rooted*.

Pendekatan (A): FSK merangka pendekatan strategik berteraskan pelanggan melalui 4 Teras Srategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert. Pendekatan ini bukan sahaja menyasarkan **pelanggan dalaman** (pelajar, pensyarah, staf), tetapi juga **pelanggan luaran** termasuk industri, agensi kerajaan, alumni, komuniti dan pelanggan PRPK. Seiring aspirasi UiTM 2025 sebagai Globally Renowned University, perancangan (**Plan**) dirangka melalui **semakan kurikulum bersama industri dan alumni** untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, **pengukuhan pembelajaran digital** melalui MOOC, MC dan OER, **peluasan kumpulan RIG baharu**, serta **pengukuhan jaringan antarabangsa** melalui program mobiliti inbound dan outbound. Aktiviti pemindahan ilmu melalui **CSR, KTP dan SULAM** turut menjadi jambatan yang menghubungkan pendidikan dengan industri dan masyarakat.

Perluasan (D): Pelaksanaan (**Do**) strategi dilaksanakan melalui mekanisme pengurusan sistematik yang mengintegrasikan platform UiTM seperti **SIMS, U-Future, PRIME, NILAMs dan iCONs** dengan jawatankuasa dalaman fakulti. Aktiviti utama seperti **PG Colloquium, Career Day dan program mobiliti antarabangsa** telah menjadi wahana penting untuk meningkatkan kualiti akademik. Data PRPK menunjukkan lebih 10,035 pelanggan menerima manfaat **perkhidmatan klinikal** pada tahun 2024, sekali gus membuktikan keberkesanan integrasi antara PdP, latihan klinikal dan khidmat masyarakat. **Program komuniti** seperti Sekolah Angkat FSK dan Masih Ada Yang Sayang bukan sahaja memberi impak sosial yang besar, tetapi turut membuka ruang pendidikan dan kesedaran kesihatan dalam kalangan masyarakat setempat.

Pembelajaran (L): Aspek pembelajaran dijalankan melalui sistem pemantauan (**Check**) menyeluruh untuk mengekalkan tahap prestasi optimum. Pelajar pascasiswazah dipantau melalui **laporan PG Colloquium**, membolehkan fakulti mengesan awal mereka yang berisiko dan melaksanakan intervensi untuk mengekalkan pencapaian Graduate on Time. Pelajar prasiswazah dipantau melalui **penasihat akademik, rekod kehadiran uFuture dan program motivasi Serlahkan Kecemerlangan**. Sementara itu, prestasi pensyarah dinilai melalui **PROPENS** serta **analisis keberkesanan kursus MOOC dan OER**. **Maklum balas** daripada **rakan industri, alumni dan komuniti** turut dikumpulkan melalui **soal selidik**, manakala **PRPK** menyediakan **laporan suku tahunan** melibatkan data pelanggan dan capaian digital sebagai sumber rujukan penting bagi proses semakan dan pembelajaran organisasi. Hasil pemantauan digunakan sebagai asas kepada penambahbaikan (**Act**) yang bersifat integratif. Pelajar pascasiswazah berisiko dipantau rapat oleh **jawatankuasa akademik**, manakala pelajar prasiswazah menerima **sokongan psikososial** dan **program motivasi tambahan**. Pensyarah pula diberi **peruntukan khas** untuk latihan profesional, di samping peluang **penempatan sabbatical** di universiti luar negara. Hubungan luar diperkukuh melalui kerjasama berterusan seperti **SULAM Malaysia–Brunei** dan **Diet Summer Camp**.

Integrasi (I): FSK berjaya menampilkan beberapa inovasi signifikan, antaranya penerbitan **Healthscope yang berdaftar di MyJurnal**, pelaksanaan **perkhidmatan bas optometri bergerak**, serta penggunaan **media sosial seperti TikTok, Facebook dan UiVC Go Live** untuk perkongsian ilmu dan kesedaran kesihatan. Keseluruhan proses dan amalan di FSK ini memperlihatkan integrasi menyeluruh yang memastikan FSK kekal relevan dalam pembangunan komuniti setempat, sambil memperkukuh keterlibatan global secara progresif.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras dengan aspirasi UiTM 2025 sebagai *Globally Renowned University*, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) mengamalkan pendekatan strategik berorientasikan pelanggan dengan memberi tumpuan kepada **pelajar sebagai pelanggan utama, disokong oleh pensyarah, staf pentadbiran, staf klinikal, manakala pelanggan luaran terdiri daripada industri kesihatan, agensi kerajaan, universiti rakan kongsi, alumni, komuniti serta pelanggan klinik di bawah PRPK** (Bukti 3.2.1).

Pada tahun 2024 FSK menampung **2,032 pelajar** merangkumi 1,573 sarjana muda, 139 diploma, dan 320 pascasiswazah serta 13 pelajar mobiliti antarabangsa (Bukti 3.2.1). Kecemerlangan pelajar dipacu oleh **128 tenaga akademik** yang berperanan sebagai penasihat akademik, pakar klinikal, penyelidik dan pembangun modul e-pembelajaran (Bukti 3.2.2). Bagi memastikan pelajar menamatkan pengajian Graduate on Time (GOT), FSK melaksanakan **Postgraduate Colloquium secara berkala** untuk memantau kemajuan penyelidikan, mengenal pasti pelajar berisiko dan melaksanakan intervensi awal agar mereka kekal berada pada landasan pengajian yang tepat (Bukti 3.2.2).

Melalui **FSK Excel, kurikulum disemak bersama industri, agensi kerajaan, rakan universiti dan alumni** bagi memastikan kesesuaian dengan keperluan semasa serta kebolehpasaran graduan. Program seperti **FSK Career Fair**, latihan industri di hospital-hospital dan pendedahan kepada keusahawanan telah melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang profesional tetapi juga berdaya saing sebagai usahawan. Inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian Graduate Employability (GE) yang tinggi termasuk pengiktirafan 6 bintang bagi Kejururawatan dan Fisioterapi. Selain itu, pembangunan 7 kursus **MOOC/MC/OER** serta penubuhan 1 **RIG baharu** pada tahun 2024 telah memperkukuh akses global, budaya penyelidikan dan inovasi pelajar (Bukti 3.2.3).

Di bawah **FSK Goes Global**, jaringan antarabangsa diperkasa melalui pelbagai **program mobiliti inbound dan outbound dengan rakan universiti antarabangsa** seperti Universiti Brunei Darussalam, Teesside University (UK) dan Universitas Airlangga (Indonesia). Pelajar mendapat **ppededahan global** melalui **latihan industri, summer camp dan program pertukaran** yang meningkatkan pengalaman antarabangsa serta daya saing dalam pasaran pekerjaan (Bukti 3.2.4).

Pendekatan **FSK ClinExpert** pula menekankan pengalaman pembelajaran berasaskan industri dan klinikal melalui lima fasiliti di bawah **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK)**. Entiti seperti UiTM Vision Care, Klinik Fisioterapi dan Klinik Terapi Diet bukan sahaja **menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat** tetapi juga menjadi platform latihan klinikal pelajar. Pada tahun 2024, lebih 10035 pelanggan awam menerima perkhidmatan PRPK, sekali gus memberi pelajar peluang mengaplikasi kemahiran klinikal sebenar dalam suasana industri (Bukti 3.2.5).

FSK Reach pula menekankan pemindahan ilmu dan **pembangunan komuniti** melalui program **USR, KTP dan SULAM**. Aktiviti seperti **khidmat masyarakat** kepada komuniti setempat, warga emas dan sekolah dapat membudayakan penglibatan pelajar dalam aktiviti masyarakat. Ini mengukuhkan jalinan kerjasama dengan agensi luar dan menyokong aspirasi UiTM untuk menjadi *globally renowned, locally rooted* (Bukti 3.2.5).

Secara keseluruhannya, pendekatan FSK melalui empat teras strategik telah membolehkan pelajar menikmati pengalaman pembelajaran holistik yang menyumbang kepada peningkatan enrollment, pemantauan sistematik GOT, dan pencapaian Graduate Employability yang cemerlang. Pendekatan ini membuktikan komitmen fakulti terhadap kepuasan pelanggan serta kecemerlangan akademik sejajar dengan aspirasi UiTM 2025.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB02_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) memastikan data pelanggan dikumpul, disimpan dan dimanfaatkan secara sistematik melalui empat teras strategik: **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert**. Selain memanfaatkan sistem standard UiTM seperti **SIMS Academic, U-Future, PRIME, NILAMs dan iCONs**, FSK turut melaksanakan mekanisme dalaman seperti **mesyuarat jawatankuasa, laporan pemantauan dan sesi libat urus dengan pelanggan** untuk menambahbaik tadbir urus data.

Melalui **FSK Excel**, rekod akademik pensyarah dan **keberkesanan pengajaran** dikumpul melalui **SIMS Academic dan U-Future** (Bukti 3.3.1). Data ini dibincangkan secara berkala dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik FSK** bagi menilai kualiti PdP, beban pengajaran serta pencapaian kursus (Bukti 3.3.1). Data pelajar meliputi **Graduate on Time (GOT)**, kadar pengekalan, dan pencapaian akademik direkod dalam **SIMS**, tetapi lebih penting, ianya turut dipantau melalui **Postgraduate Colloquium dan Mesyuarat Penyelaras Program**. Data ini dibentangkan bagi mengenal pasti pelajar berisiko dan menetapkan intervensi sokongan (Bukti 3.3.1).

Aktiviti **CGCT** dan kandungan **e-pembelajaran** seperti **MOOC/MC** pula dipantau oleh **Jawatankuasa LATiH FSK dan iCEPS Integrated System** yang mengeluarkan **laporan kemajuan pembangunan kursus**, mengenalpasti kursus berpotensi untuk pengiktirafan e-CONDEV, serta memperbaiki modul berdasarkan maklum balas pelajar (Bukti 3.3.2).

Bagi **kebolehpasaran graduan**, rekod **Career Day, Career Fair** dan **program bersama alumni** serta **industri** bukan hanya direkod dalam **PRIME**, tetapi juga dinilai melalui **Tracer Study Alumni dan laporan Jawatankuasa Kebolehpasaran Graduan** yang dipanjangkan kepada pengurusan fakulti (Bukti 3.3.3).

Melalui **FSK Goes Global**, data **aktiviti antarabangsa** seperti mobility inbound/outbound, summer camp, dan latihan industri direkodkan dalam **NILAMs, iCONs dan PRIME**. **Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK** menyediakan **laporan tahunan, termasuk kadar penyertaan pelajar dan keberkesanan program berdasarkan soal selidik maklum balas peserta** (Bukti 3.3.3). Dalam masa sama, **FSK Reach** melalui **Jawatankuasa ICAN FSK** menilai impak program SULAM, USR dan KTP. Setiap aktiviti direkodkan, dinilai dengan borang maklum balas komuniti dan dibentangkan dalam **Mesyuarat dan Majlis Apresiasi MeTIC peringkat UiTM** (Bukti 3.3.4).

Perkhidmatan klinikal di bawah **FSK ClinExpert** dikawal selia oleh **Jawatankuasa Pengurusan PRPK**. Setiap klinik merekodkan **data pelanggan** (temujanji, konsultasi, rawatan) yang **dilapor berkala dalam mesyuarat PRPK**. Pada tahun 2024, lebih 10035 pelanggan awam dilaporkan mendapat manfaat. Selain itu, keberkesanan pengiklanan melalui **Facebook rasmi FSK** telah menunjukkan **peningkatan engagement di peringkat dalam dan luar UiTM**; laporan ini digunakan untuk menambah baik strategi komunikasi klinikal (Bukti 3.3.5).

FSK bukan sahaja menyimpan data pelanggan dalam sistem standard UiTM, tetapi juga mempunyai mekanisme pemantauan, perbincangan dan tindakan susulan melalui jawatankuasa, mesyuarat, laporan prestasi dan maklum balas pelanggan. Ini memastikan setiap data dimanfaatkan untuk menambah baik kualiti pengajaran, sokongan pelajar, kolaborasi industri, mobiliti antarabangsa dan perkhidmatan klinikal selaras dengan aspirasi UiTM 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.3.pdf](#)

4. [F0042_T01_TB03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) melaksanakan pemantauan berstruktur dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang melibatkan pelanggan utama fakulti termasuk pelajar prasiswazah dan pascasiswazah, pensyarah, staf bukan akademik, rakan universiti antarabangsa, dan komuniti setempat. Bagi pelajar pascasiswazah (PG), kemajuan akademik dipantau melalui **pelaksanaan PG Colloquium** pada setiap semester. Sesi ini membolehkan pihak fakulti **mengenal pasti pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang, berpotensi untuk Graduate on Time (GOT), serta pelajar yang belum membenteng proposal penyelidikan dan berada pada semester maksimum** (Bukti 3.4.1a).

Pelajar prasiswazah (UG) dipantau melalui **perjumpaan berkala bersama Penasihat Akademik (PA) pada setiap semester**. Dalam sesi ini, **prestasi pelajar dianalisis bersama PA** bagi tujuan penambahbaikan. Selain itu, PA turut **menilai tahap kesejahteraan dan kesihatan mental pelajar** sepanjang sesi tersebut. Selain itu, kehadiran pelajar ke kuliah dan tutorial dipantau dengan lebih berkesan melalui **sistem rekod kehadiran pelajar di uFuture**. Fakulti turut menganjurkan **program motivasi Serlahkan Kecemerlangan** khusus untuk pelajar yang memperoleh CGPA 2.5 ke bawah. Program ini bertujuan memberi motivasi serta bimbingan kepada pelajar bagi **meningkatkan pencapaian akademik** mereka (Bukti 3.4.1b).

Bagi pensyarah, prestasi PdP dipantau melalui **pelaksanaan SUFO dan PRO-PENS**. **SUFO** digunakan untuk memantau kualiti pengajaran pensyarah melalui maklum balas yang diperoleh daripada pelajar. Bagi PRO-PENS, selain pemantauan pengendalian kuliah pelajar prasiswazah, **pemantauan turut dilakukan ke atas kelas amali dan kuliah pelajar pascasiswazah** (Bukti 3.4.1c).

Selain itu, program mobiliti inbound dan outbound seperti Summer Camp, lawatan ke Perth dan Jakarta, serta kolaborasi klinikal dengan universiti luar dipantau **melalui laporan dan hebahan rasmi pusat pengajian, seperti berita lawatan akademik ke Perth** (Bukti 3.4.1d). Komuniti luar sebagai pelanggan turut dimasukkan dalam **penilaian impak program** berbentuk pemindahan ilmu dan kesihatan awam (Bukti 3.4.1e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB04_TC01_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC01_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC01_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC01_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC01_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1e.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSK mengenal pasti pelbagai risiko yang boleh menjejaskan pencapaian dan kualiti maklum balas pelanggan dalam bidang PdP. Antara risiko utama ialah **risiko kewangan**. Risiko ini boleh menjejaskan tumpuan, motivasi, serta keberkesanan pembelajaran mereka. Kekangan ini berpotensi mengurangkan penglibatan dalam aktiviti akademik dan kokurikulum, sekali gus menjejaskan kualiti pencapaian maklum balas pelanggan. Bagi menguruskan risiko tersebut, FSK melaksanakan **hebahan bantuan zakat dan mengenalpasti pelajar yang layak melalui proses temuduga rasmi**. Inisiatif ini memastikan kesinambungan pengajian pelajar tidak terganggu, selain membuktikan komitmen fakulti dalam melaksanakan pengurusan risiko kewangan secara sistematik (Bukti 3.4.2a).

Selain itu, **risiko berkaitan kesihatan mental** seperti tekanan emosi, kebimbangan dan kehilangan motivasi boleh menjejaskan prestasi akademik pelajar serta meningkatkan kadar keciciran. Bagi menguruskan risiko ini, pengendalian kesihatan mental pelajar dilaksanakan mengikut **SOP Pengendalian Kesihatan Mental** yang digariskan oleh BHEP (Bukti 3.4.2b).

Dalam kalangan pensyarah, **kekangan kewangan** untuk menghadiri latihan profesional atau menyertai aktiviti pembangunan akademik dikenal pasti sebagai faktor risiko. Kekangan ini diatasi melalui **peruntukan khas sehingga RM1500 kepada pensyarah tanpa geran** untuk mengikuti kursus atau latihan yang menyokong peningkatan PdP (Bukti 3.4.2c).

Selain itu, **kekurangan keterlibatan antarabangsa** dalam kalangan tenaga akademik turut dikenal pasti sebagai risiko terhadap keterlihatan fakulti. Oleh itu, FSK menggalakkan penglibatan pensyarah dalam mobiliti antarabangsa, termasuk **penempatan sangkutan di Universiti Chulalongkorn dan penglibatan dalam TOT Qaiwan University Iraq** (Bukti 3.4.2d).

Bagi pelanggan luar seperti rakan industri dan universiti, risiko utama ialah **kurangnya kesinambungan kolaborasi** disebabkan kekangan komunikasi atau sumber. FSK menangani isu ini dengan menganjurkan **program kolaboratif seperti SULAM Malaysia–Brunei, Diet Summer Camp dan pitching bersama MASMED** yang membuka ruang libatsama dua hala yang berterusan (Bukti 3.4.2e). Dengan ini, risiko-risiko yang dikenalpasti dapat diurus secara sistematik melibatkan semua kumpulan pelanggan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC02_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2e.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSK melaksanakan kajian semula dan tindakan penambahbaikan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada semua kumpulan pelanggan, termasuk pelajar, pensyarah, rakan universiti, komuniti setempat dan pemegang taruh institusi. **Maklum balas berkaitan kemajuan pelajar pascasiswazah (PG) dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS)**, dan susulan daripada itu, tindakan seperti **pengukuhan pelaksanaan PG Colloquium dan pemantauan rapat pelajar yang hampir tamat pengajian telah dilaksanakan** (Bukti 3.4.3a).

Bagi pelajar prasiswazah (UG), soal selidik kepuasan pelajar, refleksi kursus, dan sesi bimbingan berstruktur telah menghasilkan **cadangan pelarasan dalam kaedah penyampaian kursus, pengurusan waktu pengajaran dan sokongan akademik tambahan seperti sesi klinikal tambahan dan kelas sokongan** (Bukti 3.4.3b).

Pensyarah menyampaikan maklum balas melalui **sesi Townhall Akademik** yang berfungsi sebagai platform rasmi perbincangan dua hala antara pihak pengurusan fakulti dan warga akademik (Bukti 3.4.3c). Hasil maklum balas ini telah membawa kepada penambahbaikan dalam pengurusan beban pengajaran agar lebih seimbang, pelaksanaan latihan dalaman secara berstruktur bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan profesionalisme pensyarah, serta pemberian insentif yang menggalakkan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovatif dan berkesan.

Bagi rakan universiti antarabangsa dan pemegang taruh, dapatan dari laporan pasca program seperti Summer Camp, Lawatan Perth dan SULAM Malaysia–Brunei digunakan sebagai asas memperkukuh struktur program antarabangsa dan memastikan pengalaman pembelajaran dua hala yang lebih tersusun. Fakulti turut mengemukakan **laporan rasmi** kepada Pejabat Naib Canselor serta menambah baik perancangan logistik dan dokumentasi bagi program akan datang (Bukti 3.4.3d).

Di peringkat komuniti setempat, **hasil soal selidik** program kesedaran kesihatan, aktiviti libatsama dan pemeriksaan kesihatan percuma digunakan untuk **menambahbaik bahan pengajaran, komunikasi masyarakat dan keberkesanan kaedah pemindahan ilmu**. Semua maklum balas ini **dianalisis dalam Mesyuarat Pengurusan** dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan dalam kitaran penambahbaikan berterusan (Bukti 3.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3e.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi yang dilaksanakan oleh FSK melalui 4 Teras Strategik Akademik FSK iaitu **FSK Excel**, **FSK Goes Global**, **FSK Reach** dan **FSK ClinExpert** telah menunjukkan kesan positif yang menyeluruh kepada **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran UiTM**. Usaha ini bukan sahaja memberi nilai tambah di peringkat tempatan, malah turut **memperkukuh hubungan antarabangsa** melalui **inovasi**, **kolaborasi strategik** dan **amalan pembelajaran berterusan**.

Melalui **FSK Excel**, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyokong **pembangunan akademik** dan **kebolehpasaran graduan**. Antara inisiatif yang memberi kesan berterusan ialah penerbitan *Healthscope*, sebuah buku penyelidikan dalaman yang berdaftar di **MyJurnal**. Inisiatif ini membantu meningkatkan **kemahiran penulisan ilmiah**, memperkukuh **hasil kajian**, memupuk **kolaborasi antara disiplin**, dan menyokong **pembangunan profesional berterusan** dalam kalangan **pensyarah**, **pelajar** serta **rakan industri** (Bukti 3.5.1).

Bagi **FSK Goes Global**, program mobiliti pelajar, **inbound** seperti UiTM–UNISA dan **outbound** seperti UiTM Environmental Health Global serta International Visiting Lecture and Community Service (UiTM–UNISA) telah memperluas peluang **pembelajaran antarabangsa** dan **kerjasama akademik rentas negara** (Bukti 3.5.2). Melalui **pengajaran kolaboratif**, **mobiliti pelajar** dan **perkongsian kepakaran**, fakulti berupaya **meningkatkan kualiti pendidikan** dan **membuka peluang kolaborasi penyelidikan**, selaras dengan aspirasi Education 5.0 – Global Learning Experience.

Teras **FSK ClinExpert** pula menampilkan pendekatan **inovatif** melalui perkhidmatan **bas optometri bergerak** serta penggunaan platform digital seperti **TikTok FSKUiTM**, **Facebook**, dan **UiVC Go Live** (Bukti 3.5.3). Inisiatif ini membantu meningkatkan **akses masyarakat kepada perkhidmatan kesihatan mata**, memperkukuh **kesedaran kesihatan awam**, dan memanfaatkan **media sosial** untuk **penyebaran maklumat secara inklusif**. Hasil sampingan yang dicapai termasuk **pertukaran pengetahuan antarabangsa** dan **peningkatan kerjasama penyelidikan** yang menyokong **pembangunan fakulti secara berterusan**.

Akhirnya, melalui **FSK Reach**, hubungan fakulti dengan **komuniti setempat** diperkukuh melalui program komuniti seperti **Sekolah Angkat FSK** (Bukti 3.5.4) dan **Masih Ada Yang Sayang** bersama **warga emas**, **ibu tunggal**, dan **asnaf** (Bukti 3.5.5). Program ini menyumbang kepada **peningkatan kesedaran terhadap peluang pendidikan tinggi** kepada **pelajar sekolah** dan **penglibatan pelajar dan staf UiTM dalam khidmat Masyarakat**. Pendekatan ini mencerminkan aspirasi UiTM untuk terus menjadi institusi yang *locally rooted*, serta **menyokong keterlibatan global** secara berperingkat melalui hasil kolaboratif dan berimpak sosial.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB05_20251_FSK_TUMPUAN PELANGGAN_3.5.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB05_20252_FSK_TUMPUAN PELANGGAN_3.5.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB05_20253_FSK_TUMPUAN PELANGGAN_3.5.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB05_20254_FSK_TUMPUAN PELANGGAN_3.5.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB05_20255_FSK_TUMPUAN PELANGGAN_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) melaksanakan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dalam bidang PdP secara sistematik, berkesan, dan konsisten bagi menyokong aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University* (GRU) 2025.

Pendekatan (A): Perancangan (**Plan**) pengukuran dan analisis berkaitan bidang PdP dimulakan dengan **penetapan objektif kualiti fakulti** serta **petunjuk prestasi (PI)** yang selaras dengan dasar universiti dan kerajaan. FSK telah menggunakan kaedah pengukuran di peringkat individu (pencapaian pelajar dan pensyarah) serta organisasi (prestasi fakulti dan universiti). **Instrumen pengukuran** termasuk **KPI pencapaian akademik pelajar, TEX, SUFO, TESA, PROPENS**, dan **myATP bagi pensyarah**, serta **laporan pencapaian PI A&A, QS World University Ranking, Happiness Index, kaji selidik kepuasan pengurusan dan pelanggan PRPK bagi tahap organisasi**. Pendekatan ini memberi asas yang kukuh dalam memastikan perancangan akademik berorientasikan data dan bukti.

Perluasan (D): FSK melaksanakan (**Do**) perancangan PdP secara sistematik melalui **empat Teras Strategik Akademik** iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach**, dan **FSK ClinExpert. Model Pelan Pengurusan Risiko** serta **BTU Dashboard** memperkukuh pelaksanaan dengan menyediakan instrumen pemantauan bersepadu. **BTU Dashboard** membolehkan data dikumpul, dianalisis dan dipaparkan secara sistematik untuk menilai keberkesanan PdP, prestasi tenaga akademik, serta pencapaian pelajar. **Penggunaan kursus micro-credential, MOOC dan OER, serta sistem mTrack** untuk pengumpulan data membuktikan pelaksanaan yang berfokus kepada inovasi dan keberkesanan aktiviti PdP.

Pembelajaran (L): Pemantauan (**Check**) menyeluruh dijalankan melalui kaedah **P.F.U (Pusat Pengajian – Fakulti – Universiti)**, melibatkan pengumpulan **data akademik, aduan, dan maklum balas pelanggan**. Sistem analisis digunakan untuk mengesan risiko lebih awal, menilai keberkesanan instrumen pengukuran, serta mengenal pasti jurang prestasi. Melalui mekanisme ini, FSK memperoleh pembelajaran organisasi yang membolehkan fakulti menyesuaikan strategi, memperkukuh kapasiti tenaga pengajar, dan menambahbaik (**Act**) keberkesanan PdP. **Data kualitatif dan kuantitatif** yang diperoleh juga digunakan dalam mesyuarat pengurusan fakulti sebagai asas tindakan penambahbaikan yang berterusan.

Integrasi (I): Hasil analisis diintegrasikan ke dalam **sistem pengurusan fakulti dan universiti** melalui **BTU Dashboard, mesyuarat pengurusan**, dan **bengkel pembangunan akademik**. Amalan budaya penambahbaikan berterusan diperlihatkan melalui **inovasi pengumpulan data PdP, pembangunan teknologi pemantauan**, dan **penganjuran sesi perkongsian indikator prestasi** serta **bengkel e-pembelajaran**. Integrasi ini melibatkan bukan sahaja staf akademik, tetapi juga staf sokongan, bagi memastikan pengetahuan dan amalan terbaik disebarkan secara meluas serta diaplikasikan dalam konteks PdP.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM mengamalkan pendekatan pengukuran yang sistematik dan bersepadu untuk menilai keberkesanan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pendekatan ini sejajar dengan Teras Strategik Akademik fakulti serta aspirasi Globally Renown University 2025 (GRU2025), dengan memberi tumpuan kepada empat dimensi utama iaitu akademik, komuniti, pengantarabangsaan, dan klinikal.

Dalam **aspek akademik**, fakulti menggunakan pelbagai instrumen rasmi seperti **Students Feedback Online (SUFO)**, **Entrance and Exit Survey (EES)**, **PRO-PENS** serta laporan **Closing the Loop–Continuous Quality Improvement (CDL–CQI)**. Kesemua instrumen ini membolehkan fakulti menilai pengalaman pembelajaran pelajar, kaedah pengajaran pensyarah, serta keberkesanan kursus yang ditawarkan. Data prestasi seperti **CGPA**, **kadar kegagalan** dan **kehadiran** dianalisis menggunakan **Dashboard FSK** dan **uFuture**, yang bertindak sebagai repositori data akademik fakulti untuk tujuan pemantauan kualiti secara konsisten (Bukti 4.2.1).

Ukuran lain yang diberi perhatian adalah **penglibatan komuniti**, kerana ia mencerminkan sejauh mana FSK memainkan peranan dalam pembangunan sosial. Setiap program **Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)**, pameran kesihatan, dan klinik bergerak **direkod serta dinilai** dari segi **bilangan peserta**, **keberkesanan aktiviti**, serta **maklum balas daripada komuniti atau agensi terlibat**. **Laporan ringkasan impak** turut digunakan sebagai bukti bahawa program bukan sekadar dilaksanakan, tetapi memberi hasil yang nyata kepada masyarakat (Bukti 4.2.2).

Sementara itu, **pengantarabangsaan** menjadi dimensi penting bagi memperkukuh reputasi fakulti di peringkat global. Penilaian dibuat berdasarkan rekod **mobiliti inbound dan outbound**, **polisi internationalisation**, **kerjasama penyelidikan dengan universiti luar negara**, serta rekod **webinar** dan **guest lecture antarabangsa**. Tambahan pula, **jejaring alumni global** dan forum maya turut diambil kira kerana ia menunjukkan hubungan berterusan dengan graduan yang kini berkhidmat di pelbagai negara. **Key Performance Indicator (KPI 2024)** yang menetapkan sasaran **mobiliti** dan bilangan **MoU/MoA antarabangsa** pula dijadikan rujukan rasmi dalam menilai pencapaian (Bukti 4.2.3).

Selain itu, dimensi **klinikal** menekankan aspek kebolehpasaran dan kompetensi profesional graduan. Fakulti merekodkan **senarai penempatan klinikal**, menggunakan **instrumen penilaian kompetensi oleh penyelia dan pelanggan**, serta merujuk laporan akreditasi **MQA** dan pengiktirafan daripada **Lembaga Profesion Kesihatan Bersekutu (LPKB)**. Data pencapaian praktikal pelajar menjadi ukuran kualiti latihan klinikal, manakala struktur tadbir urus diperkukuh melalui **pelantikan koordinator klinikal** untuk memastikan proses lebih teratur dan telus (Bukti 4.2.4).

Bagi memastikan kesinambungan, pendekatan **Continuous Quality Improvement (CQI)** dilaksanakan sebagai mekanisme kawalan berterusan. Analisis trend prestasi pelajar (seperti **kadar Graduate on Time (GOT)**, pencapaian **CGPA \geq 3.0** dan **kadar kegagalan**), **laporan tahunan** serta **minit mesyuarat akademik (JAF)** dijadikan asas bagi merangka tindakan penambahbaikan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi gambaran semasa, malah membolehkan fakulti mengenal pasti keperluan masa depan berdasarkan bukti yang sahih (Bukti 4.2.5).

Secara keseluruhan, pengukuran di FSK dirangka secara komprehensif dengan menggabungkan **instrumen formal**, **indikator prestasi kuantitatif**, **laporan impak kualitatif** serta **struktur tadbir urus** yang jelas. Pelbagai pendekatan ini membolehkan fakulti menilai PdP secara konsisten, mengukur impak sosial dan antarabangsa, serta meningkatkan kualiti akademik dan latihan klinikal. Hasilnya, proses penambahbaikan dapat dijalankan secara berterusan, seterusnya mengukuhkan reputasi FSK sebagai sebuah fakulti kesihatan yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB02_20251_BUKTI_4.2.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB02_20252_BUKTI_4.2.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB02_20253_BUKTI_4.2.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB02_20254_BUKTI_4.2.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB02_20255_BUKTI_4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM melaksanakan peluasan (deployment) pengukuran dengan memastikan proses pengumpulan, analisis dan pelaporan data dijalankan secara konsisten serta disalurkan kepada pemegang taruh yang relevan. Pendekatan ini memastikan setiap dapatan digunakan secara optimum untuk penambahbaikan berterusan, selaras dengan prinsip tadbir urus fakulti.

Dalam aspek akademik dan pelajar, data utama seperti **Students Feedback Online (SUFO)** dan **Entrance & Exit Survey (EES)** dikumpul setiap semester melalui uFuture serta pangkalan data HEA FSK. Analisis terperinci dilakukan oleh penyelaras kursus dan Unit Hal Ehwal Akademik (HEA), yang kemudiannya membentangkan dapatan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)** dan **Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF)**. Keputusan mesyuarat ini akan disalurkan kepada ketua program, pensyarah kursus dan wakil **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)**. Dengan cara ini, sebarang isu yang dikenal pasti dapat ditangani segera melalui penambahbaikan kurikulum, kaedah pengajaran atau penyediaan sokongan pelajar (Bukti 4.3.1).

Aspek komuniti pula dilaksanakan melalui pemantauan berstruktur. Setiap aktiviti **SULAM**, pameran kesihatan dan klinik bergerak diwajibkan menyediakan laporan selepas program. Data yang dikumpulkan termasuk kadar penyertaan, tahap kepuasan peserta, keberkesanan intervensi serta maklum balas komuniti/agensi. **Koordinator SULAM** akan menyusun laporan ini, yang kemudian dianalisis oleh **Jawatankuasa Komuniti FSK**. Analisis tersebut dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat fakulti dan seterusnya dikongsi bersama agensi rakan kolaborasi untuk memperkukuh impak sosial fakulti (Bukti 4.3.2).

Bagi pengantarabangsaan, data-data seperti **laporan program mobiliti pelajar & pensyarah**, rekod penyertaan **webinar antarabangsa**, serta jumlah **kolaborasi penyelidikan** direkod secara tahunan. Analisis perbandingan dibuat mengikut tahun untuk mengenal pasti trend peningkatan atau penurunan penyertaan. Hasilnya dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Antarabangsa Fakulti** dan seterusnya dilaporkan kepada **Pejabat Antarabangsa UiTM**. Dapatan ini menjadi asas strategi **FSK Goes Global**, khususnya dalam menetapkan sasaran penyertaan program luar negara dan bilangan **MoU/MoA aktif** (Bukti 4.3.3).

Komponen klinikal menuntut pendekatan yang lebih kerap kerana ia melibatkan latihan praktikal. **Rekod penempatan pelajar** di hospital atau fasiliti kesihatan dikumpul setiap semester melalui jadual penempatan rasmi, surat pengesahan, dan logbook pelajar. **Penilaian kompetensi** pula dilakukan secara berterusan oleh **penyelia klinikal** menggunakan borang penilaian standard. Data ini dianalisis oleh penyelaras klinikal dan hasilnya dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Klinikal**. Maklumat seterusnya disalurkan kepada ketua program, pihak fakulti, **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** serta **badan profesional**. Sebagai sokongan tambahan, **laporan maklum balas pelanggan PRPK** serta **rekod pendapatan perkhidmatan klinikal** turut digunakan untuk menilai keberkesanan praktikal pelajar (Bukti 4.3.4).

FSK memperkukuh jaringan kolaborasi melalui pelaksanaan pelbagai **MoU** dan **MoA** bersama kementerian, universiti luar negara, dan industri. Kolaborasi ini merangkumi **latihan amali pelajar**, **pertukaran pelajar**, **penyelidikan bersama**, **penerbitan**, dan **pembiayaan geran penyelidikan**. Dapatan ini turut dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) sebagai asas perancangan strategik peluasan jaringan antarabangsa dan nasional (Bukti 4.3.5).

Secara keseluruhan, peluasan pengukuran di FSK dilaksanakan dengan kaedah yang jelas: data dikumpul secara sistematik, kekerapan ditentukan mengikut keperluan (semester atau tahunan), analisis dibuat oleh unit bertanggungjawab, dan hasil dibentangkan dalam mesyuarat rasmi untuk tindakan susulan. Mekanisme ini bukan sahaja memastikan penilaian berjalan

dengan konsisten, malah memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan di semua peringkat fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB03_20251_BUKTI_4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB03_20252_BUKTI_4.3.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB03_20253_BUKTI_4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB03_20254_BUKTI_4.3.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB03_20255_BUKTI_4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil penganalisaan data telah memainkan peranan penting dalam pemantauan dan penambahbaikan prestasi PdP di FSK. Pemantauan pelaksanaan SAP dan pencapaian PI dibincangkan dan direkodkan dalam **mesyuarat** di **peringkat pusat pengajian** dan seterusnya **fakulti** (Bukti 4.4.1a).

Penganalisaan data untuk **pemantauan, penilaian dan pelaporan holistik** bidang tumpuan telah dilaksanakan melalui kaedah **P.F.U** iaitu pemantauan di peringkat **Pusat pengajian, Fakulti, dan Universiti** (Bukti 4.4.1b). Bagi sasaran PI yang telah tercapai, pihak pengurusan FSK berkongsi amalan terbaik dalaman dengan bahagian lain melalui hebahan di dalam laman sesawang dan sosial media FSK. Bagi sasaran PI yang masih belum tercapai, langkah intervensi dicadangkan bagi memastikan sasaran PI dicapai. Data Pelaporan Pencapaian Skor i-UiTM 2024 FSK yang dikeluarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang bertanda araskan Pelan Strategik UiTM 2025 telah dirujuk sebagai indikator penambahbaikan bidang tumpuan.

FSK Excel berfokus pada peningkatan prestasi akademik pelajar dan juga staf FSK. Data yang diperolehi dari pencapaian **6 KPI penilaian akademik** telah dibentang di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)** dan digunakan untuk penambahbaikan prestasi pelajar (Bukti 4.4.1c). Hasil penganalisaan data daripada **SuFO, PRO-PENS** dan **TEX** juga **dibentangkan dalam JAF** serta platform mesyuarat lain yang berkaitan. Perkongsian maklumat ini membolehkan fakulti mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran (Bukti 4.4.1d).

FSK ClinExpert menumpukan kepada peningkatan perkhidmatan klinikal dan kepakaran dalam bidang kesihatan. Data dari penilaian kepuasan pesakit, keberkesanan rawatan, dan kualiti perkhidmatan klinikal yang diperolehi dari **Laporan Maklumbalas Pelanggan 2024** dianalisis untuk mengenalpasti bidang yang memerlukan penambahbaikan (Bukti 4.4.1e).

Penganalisaan data telah membolehkan fakulti mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan strategi dan jurang prestasi. Hasil dapatan digunakan untuk penambahbaikan proses kerja dan perkongsian amalan terbaik di seluruh fakulti. Amalan terbaik dikongsikan secara terbuka, manakala strategi intervensi dirangka secara reflektif berdasarkan hasil pelaporan pencapaian skor i-UiTM dan input daripada BTU.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB04_AC01_20251_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC01_20252_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC01_20253_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC01_20254_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC01_20255_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.1e.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko dikenalpasti melalui pendekatan sistematik seperti **analisis SWOT** yang dilaksanakan dalam **bengkel semakan dan pecutan PI**, di mana pihak berkepentingan mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman terhadap operasi organisasi (Bukti 4.4.2a). Sebagai contoh, dalam **operasi eRMS**, risiko dikenal pasti melalui pengukuran berterusan dan pengurusan pengetahuan, yang melibatkan dokumentasi serta penyebaran maklumat untuk mencegah kesalahan berulang (Bukti 4.4.2b). Bagi data pelajar, risiko seperti **ketidakpatuhan dalam mengisi Entrance Exit Survey (EES)**, **kelemahan pematuhan keperluan penilaian berterusan kursus**, dan **capaian internet bagi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)** dikenalpasti dan diuruskan dengan memantau indikator prestasi yang relevan (Bukti 4.4.2c).

Risiko berkaitan data staf, seperti kegagalan mematuhi pelaporan Dashboard@FSK, dikenal pasti melalui **pemantauan kadar pematuhan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FSK**, dan ditangani dengan langkah proaktif termasuk **latihan tambahan serta sokongan teknikal** (Bukti 4.4.2d). Risiko dinilai melalui KPI dan analisis data, manakala maklumat relevan dikongsi bagi meminimumkan risiko. Melalui pendekatan menyeluruh ini, organisasi dapat mengenalpasti risiko lebih awal dan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengerjakannya, dengan tujuan memastikan kelancaran operasi dan pencapaian objektif strategik. Pemantauan ini memastikan langkah-langkah yang diambil adalah efektif dan risiko dapat diurus dengan baik.

Komunikasi mengenai risiko dilakukan melalui edaran, memo, dan taklimat oleh Ketua Pusat Pengajian kepada semua staf FSK. Ini memastikan bahawa seluruh organisasi memahami risiko yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangnya. Dengan pendekatan ini, FSK dapat mengenalpasti, menganalisa, dan mengurus risiko dengan lebih efisien, memastikan kelestarian dan kecemerlangan prestasi organisasi. Isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan risiko Fakulti Sains Kesihatan dibawa ke **Mesyuarat Pengurusan Risiko FSK** yang terdiri daripada ahli-ahli dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Bukti isu berkaitan risiko telah dibentangkan oleh **Penyelaras Risiko Fakulti** seperti dipaparkan (Bukti 4.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC02_20251_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.2a.pptx.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC02_20252_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.2b.pptx.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC02_20253_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.2c.pptx.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC02_20254_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.2d.pptx.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC02_20255_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.2e.pptx.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaporan Pencapaian Skor i-UiTM oleh BTU digunakan sebagai penanda aras tahap pencapaian dan kualiti, serta berfungsi sebagai instrumen pengukuran untuk perbincangan dan pelaksanaan tindakan penambahbaikan. Sebarang isu berkenaan pencapaian dan penambahbaikan objektif, kualiti, PI berkaitan bidang tumpuan dibincangkan di dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF)** (Bukti 4.4.3a). Selain itu, tindakan pembetulan dan pencegahan turut dibincangkan bagi memastikan penambahbaikan PdP yang berkesan dan kepuasan pelanggan dapat dicapai.

Bagi risiko ketidakpatuhan di kalangan pelajar seperti pengisian maklumat EES, FSK menjalankan usaha peningkatan prestasi dengan melaksanakan pembetulan dan **tindakan pencegahan** berdasarkan setiap dapatan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Pusat Pengajian melalui pembentangan pelaporan CDL-CQI**. Pembentangan dapatan dalam mesyuarat bertujuan mengesahkan tindakan yang perlu diambil supaya selaras dengan keperluan pengurusan kualiti. Bagi mengurus risiko berkaitan PdP, seperti ketidakpatuhan pengisian EES oleh pelajar dan kelemahan pematuan penilaian berterusan kursus, punca masalah telah dikenalpasti. **Pelan pencegahan** dilaksanakan melalui **semakan semula soalan EES** (Bukti 4.4.3b) serta **peringatan berkala** (Bukti 4.4.3c). Hasil penambahbaikan ini menunjukkan **peningkatan positif pada skor EES dan penilaian berterusan kursus dalam kalangan pelajar** (Bukti 4.4.3d).

Sementara itu, risiko berkaitan data staf, seperti ketidakpatuhan dalam melengkapkan jam latihan dan mengisi penilaian pengajaran seperti **TESA**, tindakan penambahbaikan telah di ambil melalui **hebahan peringatan** kepada semua **staf akademik** (Bukti 4.4.3e).

Selaras dengan bidang tumpuan, hasil tindakan terhadap penambahbaikan telah meningkatkan prestasi FSK. Implikasi tindakan pengukuran dan penganalisan yang sistematik dan efisien dalam bidang tumpuan seterusnya telah membawa kepada kelestarian kecemerlangan gemilang FSK. Kecemerlangan gemilang FSK ini dapat dilihat menerusi Anugerah Kecemerlangan Pencapaian Skor i-UiTM 6 Bintang (pencapaian melebihi 90% pada tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2022, 2023 dan 2024).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC03_20251_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.3a.pptx.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC03_20252_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.3b.pptx.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC03_20253_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.3c.pptx.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC03_20254_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.3d.pptx.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC03_20255_FSK_PENGUKURAN_BUKTI 4.4.3e.pptx.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSK menggalakkan inovasi dalam PdP melalui penggunaan teknologi terkini, termasuk reka bentuk kursus micro-credential yang dibangunkan berdasarkan permintaan pasaran dan corak pembelajaran pelajar. Selain itu, pembangunan modul interaktif dan sumber pembelajaran terbuka (Open Educational Resources, OER) seperti MOOC (Massive Open Online Courses) turut dirangka berdasarkan analisis keperluan pembelajaran. Pengumpulan data berkaitan kursus **micro-credential** dan **MOOC FSK** dijalankan menggunakan sistem M-Track (Bukti 4.5.1).

Maklum balas hasil penganalisan data disalurkan secara sistematik kepada pelbagai pihak. Pensyarah menerima maklum balas melalui **laporan CDL-CQI** dan pemantauan profesionalisme pensyarah (**PRO-PENS**) sebagai panduan refleksi untuk penambahbaikan PdP mereka. Tambahan pula, data penilaian keberkesanan PdP pensyarah turut dilaporkan melalui **Teaching Effectiveness Index (TEX)** (Bukti 4.5.2), yang memberikan indikator prestasi berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Di peringkat pengurusan fakulti, maklum balas tersebut dipaparkan menerusi sistem **BTU Dashboard** (Bukti 4.5.3), yang berfungsi sebagai alat pemantauan bersepadu yang mengumpul, menganalisis dan memvisualkan data PdP secara sistematik. Melalui **BTU Dashboard**, pihak pengurusan FSK memperoleh gambaran menyeluruh dan terkini berkenaan status pelaksanaan PdP di semua pusat pengajian, termasuk prestasi pensyarah dan maklum balas pelajar. Ciri ini membolehkan pengurusan mengenal pasti bidang yang memerlukan intervensi atau penambahbaikan dengan lebih pantas dan tepat, serta merangka tindakan susulan yang bersifat fokus dan berimpak tinggi.

FSK komited untuk memastikan hasil analisis data dan inovasi PdP bukan sahaja dilaksanakan, tetapi juga diterapkan sebagai sebahagian daripada budaya kerja fakulti. Bagi mencapai matlamat ini, FSK melibatkan bukan hanya pensyarah, tetapi juga staf sokongan dalam inisiatif penambahbaikan secara menyeluruh. Antara usaha yang dijalankan termasuk **sesi perkongsian berkaitan Indikator Prestasi (PI)** (Bukti 4.5.4) dan **bengkel pembangunan kandungan e-pembelajaran** yang dibuka **penyertaannya ke peringkat UiTM** (Bukti 4.5.5). Melalui pendekatan ini, FSK berhasrat mewujudkan persekitaran PdP yang mampan, dinamik dan berteraskan inovasi. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran serta pengetahuan warga fakulti, tetapi juga memastikan pengetahuan tersebut dapat disebarkan secara meluas dan diaplikasikan dalam konteks pengajaran sebenar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB05_20251_Bukti 4.5.1 - Tangkapan skrin kursus mikro-kredensial dan MOOC \(Massive Open Online Courses\) FSK 2024.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB05_20252_Bukti 4.5.2 - Laporan CDL-CQI, PROPENS dan TEX FSK 2024.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB05_20253_Bukti 4.5.3 - BTU Dashboard PI HEA FSK 2024 .pdf](#)
4. [F0042_A01_AB05_20254_Bukti 4.5.4 - Sesi perkongsian Indikator Prestasi \(PI\) HEA dan agihan kepada pusat pengajian.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB05_20255_Bukti 4.5.5- Bengkel pembangunan kandungan e-pembelajaran.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM sentiasa komited dalam melaksanakan strategi pengurusan sumber manusia yang berfokus kepada bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pendekatan ini disusun berlandaskan Pelan Strategik UiTM 2025 dan Perancangan Strategik Jangka Panjang FSK 2020–2025, dengan penekanan kepada pembangunan kepakaran staf, pemantapan latihan klinikal, pengantarabangsaan, serta jalinan kerjasama bersama komuniti, industri dan alumni.

Pendekatan (A): FSK menggunakan empat Teras Strategik Akademik (**Plan**) iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert** sebagai tunjang pelaksanaan. Melalui FSK Excel, fakulti memastikan kelestarian PdP melalui peningkatan kelayakan staf akademik, termasuk galakan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dan penguasaan kompetensi digital. FSK Goes Global memberi ruang pensyarah mengikuti latihan sangkutan di universiti antarabangsa dan memperkukuh hubungan strategik melalui MOU/MOA. Seterusnya, FSK Reach menekankan keterlibatan bersama komuniti, badan profesional dan agensi luar sebagai usaha memperluas jaringan ilmu dan pengiktirafan akademik. FSK ClinExpert pula memperkukuh PdP berasaskan latihan klinikal melalui Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK), dengan sokongan staf klinikal yang berkemahiran tinggi.

Perluasan (D): Pelaksanaan (**Do**) strategi digerakkan secara inklusif melalui pengoptimuman kepakaran staf akademik dan klinikal. FSK Excel menghasilkan **inovasi PdP** seperti modul MOOC dan Micro-credentials yang diiktiraf di pertandingan antarabangsa. FSK Goes Global melahirkan tenaga pengajar bertaraf dunia apabila **pensyarah FSK dilantik sebagai trainer** di Qaiwan International University, Iraq. Melalui FSK Reach, fakulti berjaya melaksanakan **seminar, webinar, bengkel dan program komuniti berimpak tinggi** bersama industri serta agensi luar negara. Manakala FSK ClinExpert memperkukuh penglibatan masyarakat melalui **khidmat klinikal, konsultasi, program kesihatan, dan penulisan ilmiah di media arus perdana**.

Pembelajaran (L): FSK melaksanakan pemantauan berstruktur (**Check**) melalui **Dashboard@FSK, Bengkel Pecutan SAP, dan sistem digital UiTM**. Keberkesanan strategi turut dibuktikan melalui peningkatan skor UiTM Happiness Index daripada 70% (2023) kepada 73% (2024), menunjukkan tahap kepuasan kerja staf yang memberangsangkan. **Aduan mengenai ICT dan sokongan pentadbiran** dijadikan asas penambahbaikan, termasuk digitalisasi proses kerja dan pengukuhan pentadbiran. Staf juga diberi peluang latihan seimbang melalui program dalaman dan atas talian. Dari segi pengurusan risiko, FSK proaktif mengenal pasti ancaman seperti isu infrastruktur (kulat, kebakaran, bencana alam), kekangan nisbah staf klinikal, keterbatasan waran jawatan tetap, serta kekurangan kepakaran pensyarah baru. Setiap risiko **dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK** dan ditangani melalui strategi mitigasi serta pemantauan berkala tiga kali setahun. Langkah penambahbaikan (**Act**) turut diperkukuh melalui **pelantikan tetap staf klinikal, program mentor-mentee, latihan sangkutan industri, serta sokongan pengajian lanjutan**. Aduan berkaitan keselamatan telah diatasi melalui penubuhan **Pasukan Tindakan Kecemasan, pelantikan Fire Marshall dan penganjuran sesi Town Hall** sebagai medium komunikasi dua hala.

Integrasi (I): Melalui pendekatan ADLI, FSK berjaya memantapkan PdP dengan strategi berfokus, pelaksanaan inklusif, pembelajaran berterusan, dan integrasi menyeluruh bersama UiTM, negara serta rangkaian antarabangsa. Pencapaian fakulti dalam program pengantarabangsaan, inovasi PdP, pemantapan klinikal, dan kesejahteraan warga kerja membuktikan bahawa FSK berada pada landasan kukuh sebagai sebuah fakulti yang progresif, berdaya saing dan mampan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan FSK berkeyakinan bahawa, bagi mencapai sasaran pelan strategik UiTM2025, tumpuan yang holistik dan berfokus terhadap sumber manusia adalah amat penting. Pendekatan dalam mengurus sumber manusia FSK bagi bidang tumpuan PdP adalah terangkum dalam empat Teras Strategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert.

Berpaksikan FSK Excel, pengurusan FSK komited memastikan kepakaran staf sentiasa berkembang dengan meneladani pembelajaran berterusan bagi menjamin kualiti PdP. Bagi pensyarah, mereka didorong untuk melanjutkan **pembelajaran ke peringkat pengajian PhD**. Hasilnya, dari sejumlah 124 orang pensyarah 54% telah memiliki kelayakan Doktor Falsafah dan 45% pula memiliki kelayakan Sarjana bagi tahun 2024 (Bukti 5.2.1). Pensyarah dan staf pentadbiran/klinikal juga diberikan **peruntukan kewangan untuk menghadiri latihan/bengkel, atau konferensi** melalui pendekatan First Come, First Serve melalui pelaksanaan **Dasar Tadbir Urus Latihan FSK 2024** (Bukti 5.2.1). Pensyarah dan staf klinikal turut didorong untuk **berdaftar sebagai pegamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu**, membina jaringan bersama industri dan universiti tempatan (Bukti 5.2.1).

Bagi FSK Goes Global, pengurusan FSK telah menggarap peluang bagi **pensyarah untuk menjalani latihan sangkutan antarabangsa** di universiti luar negara (Bukti 5.2.2). Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK melaksanakan urus tadbir berfokus untuk meningkatkan capaian global dan hasilnya beberapa **lawatan kerja dan MOU/MOA** telah ditandatangani bersama rakan strategik dari universiti luar negara (Bukti 5.2.2) sebagai satu pendekatan untuk menjayakan teras melalui pelaksanaan **program PdP antarabangsa dan Inbound-Outbound** bagi pelajar dan staf FSK (Bukti 5.2.2).

Bagi FSK Reach, pengurusan FSK telah berusaha bagi memastikan **penglibatan dan pengiktirafan** pensyarah dan staf pentadbiran/klinikal melalui **badan profesional/ikhtisas, kementerian, atau agensi/badan antarabangsa** (Bukti 5.2.3). Warga FSK telah didorong untuk melaksanakan **program pemindahan ilmu dan kemahiran** di kalangan masyarakat awam (Bukti 5.2.3). **Program pemindahan ilmu dan kemahiran** turut memberi fokus kepada **kumpulan klinikal** bagi memperkasa peranan FSK dalam perkembangan profesion kesihatan bersekutu (Bukti 5.2.3).

Melalui FSK ClinExpert, pengurusan FSK telah memanfaatkan kepakaran dan kemahiran pensyarah dan staf klinikal bagi mendukung PdP. Usaha ini diperkasa melalui **penubuhan rasmi Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK)** yang berfungsi sebagai hub klinikal dan PdP (Bukti 5.2.4). **Pusat Fisioterapi UiTM** sebagai contohnya dijadikan salah satu **penempatan klinikal pelajar akhir tahun dan melibatkan pemantauan dan penilaian secara terus oleh staf klinikal dan pensyarah** (Bukti 5.2.4). Pada masa yang sama, pensyarah dan staf klinikal digalakkan menghadiri **latihan sangkutan di beberapa fasiliti berkepakaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran klinikal** yang secara tidak langsung menjayakan pelaksanaan PdP (Bukti 5.2.4).

Pengurusan FSK telah memberikan penghargaan bagi stafnya yang telah berjaya memenuhi sasaran tahunan fakulti dalam bidang tumpuan PdP. Pendekatan utama adalah melalui program **Majlis Anugerah Kualiti FSK 2024** yang mempertandingkan 22 subkategori anugerah di bawah 4 kategori utama iaitu Anugerah HEA, HEP, PJI, dan Pengurusan (Bukti 5.2.5). Selain dari itu, pengurusan FSK juga telah **mengiktiraf setiap pencapaian warga kerja FSK** seperti kenaikan pangkat, perolehan geran, penganugerahan Doktor Falsafah, pencapaian dalam penyertaan konferen atau pertandingan inovasi, dengan **mewar-warkan kejayaan mereka di media sosial FSK** (Bukti 5.2.5). Malahan, pengurusan FSK telah menganjurkan **Hari Keserakanan FSK** bagi meraikan sumbangan terhadap fakulti dan meningkatkan Happiness Index stafnya (Bukti 5.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB02_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan kelancaran tindakan perluasan, pengurusan FSK secara konsisten mengemaskini **pengkalan data fakulti** (Bukti 5.3.1) yang dilaksanakan bagi mengenalpasti kelayakan dan mengkoordinasi kepakaran serta pengalaman setiap staf FSK agar lebih berfokus terhadap teras FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert.

Melalui FSK Excel, kepakaran dan kemahiran pensyarah dan staf pentadbiran/klinikal digandingkan secara berpasukan dengan menghasilkan beberapa produk inovasi hasil sebahagian dari bidang tumpuan PdP termasuklah **modul MOOC dan MC dalam platform UFuture** yang telah berjaya memenangi beberapa pencapaian seperti di **e-ConDev 2024** (Bukti 5.3.2). Pengurusan FSK turut memperkasa penyampaian bidang tumpuan PdP bagi pensyarah melalui **perkongsian kepakaran dan pengalaman** dalam aktiviti yang berkaitan dengan bidang tumpuan PdP seperti penyelidikan (Bukti 5.3.2).

Bagi FSK Goes Global, proses menjayakan bidang tumpuan PdP di FSK telah memperlihatkan capaian prestasi dan penglibatan staf sehingga ke peringkat antarabangsa. Beberapa pensyarah FSK telah dilantik sebagai **tenaga pengajar Training of Trainer** bagi 3 pengajian sarjana muda yang berjaya dilancarkan sebagai program franchais di Qaiwan International University, Iraq (Bukti 5.3.3). Bagi memperluas capaian PdP yang lebih global, pensyarah telah didorong untuk menyertai **pertandingan dan konferen di peringkat tempatan dan antarabangsa** (Bukti 5.3.3).

Melalui FSK Reach, pengurusan FSK telah menjayakan bidang tumpuan PdP dengan melaksanakan program-program yang menumpukan kepada pengkayaan komuniti. Bagi komuniti profesional, beberapa **program berformatkan bengkel, seminar, webinar, dan konferen** telah dilaksanakan bagi memacu proses perpindahan ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada ahli profesional dalam industri sains kesihatan (Bukti 5.3.4). Kaedah perluasan ini telah mengetengahkan staf FSK yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang masing-masing bagi meningkatkan kualiti profesion yang berkaitan di dalam negara. Malahan, sebahagian **program perluasan** ini turut melibatkan **ahli akademik dan profesional dari luar negara** yang sekaligus meningkatkan kredibiliti dan visibiliti FSK serta membuka ruang **kerjasama di antara FSK dan fakulti luar negara** (Bukti 5.3.4).

Pengurusan FSK melalui FSK ClinExpert turut memberi tumpuan kepada proses pendidikan masyarakat awam terutamanya di sekitar Kampus Puncak Alam melalui pelaksanaan program berbentuk **bual bicara melalui siaran radio, bengkel, dan konsultasi** (Bukti 5.3.5). Dengan memanfaatkan platform seperti KTP, CSR, dan SULAM, staf FSK yang berkepakaran dan berkemahiran dalam bidang PdP secara akademik dan klinikal telah diketengahkan untuk berperanan di dalam komuniti sekitar. Malahan, staf FSK juga digalakkan untuk menghasilkan **penulisan berkaitan bidang kepakaran masing-masing untuk diterbitkan dalam akhbar dan majalah tempatan** bagi meningkatkan lagi capaian pengaruh **kepada masyarakat awam** (Bukti 5.3.5). Ini adalah bertujuan meningkatkan visibiliti warga kerja FSK yang berkepakaran dan sekaligus meletakkan mereka di kalangan pakar rujuk bagi bidang masing-masing.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) terus mengekalkan kecemerlangan dalam aspek pengurusan, persekitaran kerja dan pembangunan sumber manusia melalui pendekatan yang inklusif, telus serta berorientasikan kesejahteraan warga. Pelbagai mekanisme libat urus telah dilaksanakan, termasuk mesyuarat pengurusan, soal selidik kepuasan, serta sesi maklum balas bersama staf pentadbiran, yang kesemuanya menyumbang kepada pengukuhan budaya kerja positif di fakulti.

Berdasarkan dapatan **UiTM Happiness Index 6.0 (2024)**, FSK mencatat peningkatan skor keseluruhan daripada **70% pada tahun 2023 kepada 73% pada 2024** (Bukti 5.4.1a). Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan strategi pengurusan fakulti dalam mewujudkan suasana kerja yang kondusif. Skor bagi domain **Emosi Positif (75%)** dan **Keterlibatan (72%)** turut membuktikan bahawa staf berasa lebih optimistik, terlibat secara aktif dalam pengurusan, serta yakin terhadap kepimpinan fakulti (Bukti 5.4.1b).

Tahap kepuasan hati staf terhadap persekitaran dan sistem kerja berada pada tahap tinggi dan semakin meningkat. **Aduan yang diterima pula berbentuk konstruktif, antaranya berkaitan sistem ICT, proses kerja manual, capaian digital, serta sokongan pentadbiran** (Bukti 5.4.1c). Fakulti telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan **digitalisasi proses, penambahbaikan capaian internet serta pengukuhan mekanisme pentadbiran**. Pendekatan ini menjadikan setiap aduan sebagai asas kepada inovasi pengurusan fakulti (Bukti 5.4.1d).

Dalam aspek pembangunan kerjaya, **sebanyak 98% staf berjaya mencapai sasaran latihan tahunan Cadangan daripada staf** pentadbiran mengenai peluang latihan yang lebih seimbang dengan staf akademik turut **diberi perhatian**, dan fakulti telah mengambil tindakan melalui **pelaksanaan perkongsian ilmu dalaman serta pemerkasaan latihan secara bersemuka dan atas talian** (Bukti 5.4.1e). Selain itu, isu berkaitan keselamatan warga fakulti juga diberi perhatian dengan pelaksanaan garis panduan **pencegahan gangguan seksual**, yang menekankan bahawa semua urusan rasmi hanya dilakukan di kaunter atau dalam waktu pejabat (Bukti 5.4.1e).

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan hati warga FSK berada pada aras yang tinggi, dengan setiap aduan dijadikan peluang untuk penambahbaikan berterusan. Pendekatan positif ini meletakkan FSK sebagai contoh fakulti yang seimbang dalam pencapaian akademik dan pengurusan sumber manusia di UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB04_SC01_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC01_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC01_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC01_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC01_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.1e.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Skop pengurusan risiko dalam pengurusan sumber manusia berteraskan indeks prestasi dan kepuasan bekerja merupakan antara aspek utama tumpuan pihak pengurusan fakulti.

Pengenalpastian risiko yang bakal dihadapi amat penting sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Justeru, FSK telah mengambil langkah **perbincangan** dan **penilaian risiko** yang drastik di peringkat setiap unit dan mendaftarkan risiko-risiko ini. Seterusnya, **setiap risiko yang berjaya dikenalpasti akan dibentangkan dan dianalisa** melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK** bagi menyusun strategi pencegahan risiko yang bersesuaian. Pemantauan secara berkala iaitu sebanyak 3 kali setahun dijalankan melalui mesyuarat ini bagi menyemak semula tahap risiko (Bukti 5.4.2a).

Beberapa **risiko infrastruktur** telah dinilai pada tahap sederhana dan tinggi kerana melibatkan **impak terhadap kesejahteraan staf dan seterusnya menghalang produktiviti staf** dalam melaksanakan tugas dan aktiviti PdP. **Risiko-risiko tersebut telah didaftarkan untuk diambil tindakan oleh pihak terlibat.** Antaranya adalah risiko pendedahan staf FSK terhadap **masalah kulat** di dinding bangunan makmal, klinik, dan pejabat, risiko kecemasan seperti kebakaran dan bencana alam, serta lain-lain risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang melibatkan pensyarah dan staf bukan akademik (Bukti 5.4.2b).

Selain risiko yang didaftarkan, risiko pengurusan sumber manusia yang dikenalpasti adalah **komposisi staf klinikal (*Clinical Instructor*) kepada pelajar** yang tidak mencapai sasaran boleh menjejaskan tumpuan perkhidmatan klinikal (FSK ClinExpert) dan pemantapan kurikulum (FSK Excel). Sasaran nisbah staf klinikal kepada pelajar 1:6 harus dicapai FSK mengikut **keperluan standard program bagi latihan klinikal pelajar** (Bukti 5.4.2c). Risiko waran yang terhad bagi jawatan tetap staf klinikal akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan PdP dan klinikal terhadap pelanggan FSK. Selain itu, **kekurangan bilangan pensyarah dengan gred jawatan DM52/DS13 ke atas terutamanya bagi pangkat Profesor** juga merupakan salah satu risiko yang dikenalpasti boleh menghalang pemantapan aspek Teras Strategik Akademik FSK (Bukti 5.4.2d).

Risiko kompetensi seperti **kepakaran yang terhad dalam kalangan pensyarah baru**, penyampaian PdP di luar skop kepakaran pensyarah, serta **pengetahuan dan kemahiran staf yang tidak berkembang** terutamanya bagi staf yang sudah lama di dalam perkhidmatan dikenalpasti boleh menjejaskan aspek Teras Strategik Akademik FSK seperti pemantapan kurikulum (FSK Excel), pengantarabangsaan (FSK Goes Global) dan perkhidmatan klinikal (FSK ClinExpert) (Bukti 5.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC02_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.2e.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan hasil pemantauan dan penganalisaan risiko pengurusan sumber manusia, FSK telah mengambil beberapa tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif, dan memastikan mutu produktiviti dan kepuasan staf FSK berada pada tahap yang tinggi.

FSK cekap dalam mengurus sumber manusia yang terhad melalui **Pemeriksaan Staf Skim U dan C**. Langkah optimistik diambil oleh FSK dengan mendapatkan waran jawatan tetap bagi **pelantikan baharu staf klinikal secara tetap bergred U29**. Selain itu, **FSK juga membuat pelantikan baharu atau semula bagi jawatan staf klinikal** (*Clinical Instructor* dan *Local Preceptor*) **secara berstatus kontrak/sambilan** bagi mengurangkan beban kerja staf klinikal sedia ada dan memastikan penyampaian perkhidmatan akademik dan klinikal kepada pelanggan utama FSK berada pada tahap yang optimum (Bukti 5.4.3a).

Bagi memastikan staf sentiasa terkehadapan dan berprestasi global, FSK proaktif dalam **memperkasa kepakaran warga kerja khususnya pensyarah** dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan berikut:

- a) **Program Pembangunan Profesional Terstruktur:** FSK telah melancarkan **program mentor-mentee** untuk pensyarah baharu dan menyediakan peruntukan dana khusus untuk pembangunan profesional bagi semua kategori staf. **Seminar dan bengkel kompetensi staf** dianjurkan secara berkala oleh FSK untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf (Bukti 5.4.3b).
- b) **Program Sangkutan Industri/Klinikal: Program latihan dan sangkutan industri atau klinikal** membolehkan staf mengemaskini pengetahuan dan kemahiran praktikal mereka untuk memastikan PdP yang relevan dan terkini dengan amalan industri (Bukti 5.4.3b).
- c) **Sokongan untuk Pengajian Lanjutan dan Kenaikan Pangkat:** FSK terus menggalakkan pensyarah dan staf bukan akademik untuk **melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi** serta menyokong permohonan kenaikan pangkat staf (Bukti 5.4.3c).

Bagi memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan produktiviti kerja yang mapan, FSK sentiasa cakna dengan setiap maklum balas dan aduan daripada staf. Aduan berkaitan jangkitan kulat telah diambil tindakan oleh pihak Pejabat Pengurusan Fasilitas UiTM Puncak Alam, manakala risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diambil tindakan pencegahan oleh FSK seperti **menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan** dan **melantik Fire Marshall di setiap aras bangunan** (Bukti 5.4.3d). Selain itu, pengurusan FSK turut mengadakan **Sesi Town Hall bagi mewujudkan komunikasi dua hala yang lebih terbuka dan telus** antara pihak pengurusan dengan pensyarah dan staf pentadbiran, seterusnya meningkatkan kepuasan hati staf FSK. (Bukti 5.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah berjaya membudayakan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berteraskan inovasi serta penambahbaikan berterusan. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengurusan fakulti, malah turut diintegrasikan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Melalui inisiatif **FSK ClinExpert**, fakulti memastikan kelestarian komposisi serta kepakaran staf klinikal melalui strategi pemeraksanaan peranan secara menyeluruh. Antara langkah yang dilaksanakan termasuk **pelantikan *Clinical Instructor* dan *Local Preceptor* secara kontrak atau sambilan** (Bukti 5.5.1). Staf klinikal turut digalakkan menghasilkan penerbitan serta berkongsi kepakaran di media massa dan media sosial. Pendekatan ini meningkatkan keterlihatan fakulti dan pada masa sama menjana pendapatan kepada pusat pengajian.

Inisiatif **FSK Excel dan FSK Reach** telah mendorong pensyarah untuk mengaplikasikan kreativiti dalam melaksanakan **inovasi pengajaran melalui MOOC, OER dan Microcredentials**, sekali gus memperluas ketercapaian PdP dalam kalangan pelajar dan pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, **kepakaran pensyarah** diperkukuh melalui pendedahan dalam latihan industri dan klinikal, yang kemudiannya diterjemahkan kepada perkongsian kepakaran dalam bentuk **siaran radio, televisyen serta penerbitan artikel ilmiah yang memberi manfaat kepada masyarakat** (Bukti 5.5.2).

Selain itu, FSK turut memperluas amalan **Collaborative Teaching (CGCT)** yang melibatkan kerjasama strategik antara pensyarah pelbagai bidang. Pendekatan ini meningkatkan kualiti PdP, menyokong perkongsian kepakaran, serta memperkukuh hubungan akademik antara fakulti, kampus dan rakan antarabangsa. CGCT seterusnya menambah nilai kepada strategi integrasi PdP fakulti (Bukti 5.5.3).

Melalui **FSK Goes Global**, pensyarah digalakkan membentangkan **hasil penyelidikan di persidangan antarabangsa** (Bukti 5.5.4). Langkah ini meningkatkan kolaborasi penulisan bersama penyelidik luar negara di samping memperkukuh budaya penerbitan melalui buku penyelidikan *Healthscope* yang diterbitkan secara berkala.

Dalam aspek pengiktirafan sumber manusia, FSK menganjurkan **Majlis Anugerah Kualiti FSK 2024 (MAK 2024)** sebagai platform penghargaan, motivasi dan ganjaran. Staf turut diberi pengiktirafan melalui surat rasmi, hebahan poster pencapaian serta penganugerahan khas seperti Tokoh Akademik, Pengajaran Terbaik dan Ahli Akademik Harapan. Langkah ini berjaya meningkatkan semangat kerja berpasukan dan budaya kecemerlangan (Bukti 5.5.5).

Kejayaan pengurusan sumber manusia FSK turut diiktiraf melalui pencapaian dalam **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024 (AKPU 2024) bagi Pillar 3 & 4: Turning Globally Respected Staff & Excellent Supporting Staff**. FSK telah diumumkan sebagai pemenang Tempat Ketiga pada 14 Mac 2025. Pengiktirafan ini mencerminkan kesungguhan fakulti dalam memperkukuh strategi pembangunan sumber manusia secara berkesan dan berimpak.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB05_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.5.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB05_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.5.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB05_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.5.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB05_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.5.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB05_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) komited memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti, khususnya dalam bidang PdP, mematuhi kriteria kecemerlangan prestasi bagi menjamin keberkesanan **pengurusan operasi** serta memperkukuh kecemerlangan dan daya saing secara berterusan.

Pendekatan (A): Dalam merangka **operasi sistem kerja FSK** yang sistematik, penggunaan model **PDCA** digunapakai dalam membantu FSK melakarkan perancangan (**Plan**) yang strategik. Empat **Teras Strategik Akademik FSK** diwujudkan bagi pelaksanaan (**Do**) strategi iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach & FSK ClinExpert, di mana ia didukung oleh beberapa **jawatankuasa di bawah HEA FSK**. FSK Excel menekankan kualiti pendidikan melalui **semakan kurikulum, akreditasi dan pembangunan PdP** digital seperti MC dan MOOC. FSK Goes Global memperkukuh **pengantarabangsa** dengan MoU/MoA, mobiliti pelajar dan pensyarah serta pengajaran kolaboratif. FSK Reach meningkatkan relevansi PdP melalui **kerjasama komuniti, industri dan alumni** termasuk program SULAM, manakala FSK ClinExpert memperluas **latihan dan perkhidmatan klinikal** melalui PRPK. Secara keseluruhan, pendekatan ini memastikan PdP FSK holistik, berkualiti dan melahirkan graduan berdaya saing global.

Perluasan (D): FSK Excel memberi peluang pensyarah dan staf membangunkan **MOOC/MC**, berkongsi ilmu melalui **Radio UiTM** serta menganjurkan **seminar dan bengkel** bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan reputasi global. FSK Goes Global menekankan program antarabangsa seperti **mobiliti pelajar dan pensyarah**. FSK Reach memperkukuh kolaborasi dengan komuniti, industri dan alumni melalui **program SULAM** yang memberi impak positif kepada masyarakat. FSK ClinExpert pula memperkasakan (**empowerment**) latihan dan perkhidmatan klinikal serta diperkenalkan kepada komuniti melalui **media sosial**.

Pembelajaran (L): FSK melaksanakan pemantauan (**Check**) PdP secara sistematik, menyeluruh dan berterusan melalui **audit dalaman/luaran, penilaian TEX, PRO-PENS, CDL-CQI, kajian kepuasan pelajar** serta **penilaian latihan klinikal** (OSCE/OSPE, penyelia, kepuasan pelanggan). Mekanisma ini diperkukuh dengan **pengurusan risiko** berasaskan data yang dikawal oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK**. Analisis risiko menunjukkan cabaran utama seperti kekangan dana untuk program mobiliti antarabangsa, penganjuran seminar dan OSCE/OSPE, serta isu keselamatan dan kesihatan termasuk masalah kulat di makmal/klinik. Tindakan penambahbaikan (**Act**) dilaksanakan melalui strategi **keterlibatan dan komunikasi dengan industri, NGO, komuniti serta institusi antarabangsa, penggunaan teknologi (webinar, platform digital), pengurusan dana (tabung amanah, permohonan khas), latihan keselamatan kebakaran, sistem e-aduan serta penilaian berkala**. Pendekatan ini memastikan FSK dapat memperkukuh akauntabiliti (**accountability**), meningkatkan keberkesanan program, mengurangkan risiko, dan menyokong reputasi akademik secara mampan.

Integrasi (I): FSK Excel memperkasakan inovasi pengajaran dengan teknologi digital, Smart Classroom dan pengajaran kolaboratif. FSK Goes Global memperluas jaringan antarabangsa melalui program mobiliti dan MoU manakala FSK Reach menghubungkan PdP dengan komuniti, industri dan alumni melalui program SULAM. FSK ClinExpert memperkukuh latihan klinikal melalui PRPK yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan. Usaha ini menyokong pencapaian kecemerlangan akademik dan memperkukuh kedudukan UiTM di peringkat global melalui **pengurusan operasi** yang telus, bertanggungjawab (**accountable**), serta berasaskan sistem komunikasi (**communication**) yang berkesan. Pada masa yang sama, integrasi ini turut menggalakkan pemeraksanaan (**empowerment**) semua pihak berkepentingan bagi memperkukuh budaya kolaboratif. Keseluruhannya, budaya PdP ini membentuk identiti akademik FSK yang profesional, **inklusif (inclusivity)** dan berimpak tinggi, sekaligus menyokong aspirasi UiTM sebagai peneraju pendidikan tinggi global.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan melalui TDA penting bagi memastikan proses PdP berjalan lancar dan selari dengan pekeliling, peraturan, garis panduan dan manual Akademik di bawah TNCAA (Bukti 6.2.1). Selaras dengan teras strategik UiTM iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai, proses PdP diperkasakan secara holistik serta relevan untuk melahirkan graduan berdaya tahan. Sehubungan itu, penekanan diberi kepada empat **Teras Strategik Akademik FSK** sebagai landasan pencapaian PI A & A.

Selaras dengan teras *Quality Education* bagi melahirkan **pensyarah bertaraf dunia** dan meningkatkan **kebolehpasaran graduan di peringkat global**, teras strategik pertama iaitu FSK Excel telah melaksanakan pelbagai **strategi berimpak tinggi**. Ini dicapai melalui **semakan kurikulum** secara berkala serta **pemantapan standard akademik** menerusi pengiktirafan kepakaran dan **akreditasi badan nasional dan antarabangsa**. Di samping itu, **insentif** turut diberikan kepada staf dan pensyarah untuk menghadiri seminar dan pembentangan di persidangan tempatan dan antarabangsa serta **penyertaan dalam bengkel** pembangunan modul PdP berasaskan platform digital seperti Microcredential (MC) dan MOOC (Bukti 6.2.2).

Seiring aspirasi UiTM melalui GRU2025, PdP melalui FSK Goes Global dimantapkan melalui **pengantarabangsaan** dengan jaringan **MoU, MoA, mobiliti pelajar dan pensyarah dan pengajaran kolaboratif**. Pemeteraian MoU dan MoA dilaksanakan melalui rundingan bersama universiti serta syarikat tempatan dan antarabangsa, seterusnya didaftarkan dalam sistem NILAMs. Selain itu, **mobiliti pelajar dan pensyarah** melalui program *'inbound'* dan *'outbound'* turut dilaksanakan bagi memperkukuh PdP melalui pengantarabangsaan, kepelbagaian dan kecemerlangan akademik. Melalui **penglibatan pemain industri antarabangsa dalam pengajaran kolaboratif** di bawah CIDL, proses PdP diperkaya dengan pengalaman, pengetahuan dan teknologi terkini. Seiring itu, **inovasi Kit Pengajaran Kolaboratif** turut diperkenalkan (Bukti 6.2.3).

Melalui jaringan strategik bersama Komuniti, Industri dan Alumni, FSK Reach diperkasa bagi meningkatkan kualiti PdP serta melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran relevan. **Kolaborasi komuniti melalui program SULAM** memberi pelajar pengalaman nyata serta peluang pemindahan ilmu selaras dengan SDG. **Alumni FSK** turut menyumbang secara langsung melalui **perkongsian kepakaran** bagi memperkukuh kualiti PdP (Bukti 6.2.4).

Melalui FSK ClinExpert, FSK yang sinonim dengan latihan dan perkhidmatan klinikal telah menawarkan khidmat klinikal melalui lima entiti di bawah **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK)**. Pendedahan staf dan pelajar melalui **latihan klinikal, industri dan perkhidmatan komuniti** memperkukuh kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (Bukti 6.2.5). Selain menyokong PdP, perkhidmatan klinikal turut menyumbang kepada penajaan kewangan fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.2.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.2.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.2.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.2.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB02_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Empat Teras Strategik Akademik FSK menjadi panduan dalam merangka halatuju fakulti. Perancangan (**Plan**) operasi diselaraskan melalui **agihan petunjuk kepada peneraju PI dalam bengkel strategik awal tahun**. Peneraju PI turut memantau, menyemak dan menambah baik pelaksanaan melalui mesyuarat dalaman. Strategi dan program dilaksanakan oleh pusat pengajian di bawah pemantauan bahagian HEA, PJI dan HEP FSK, manakala setiap teras disokong oleh jawatankuasa khusus bagi memastikan pelaksanaan yang teratur dan berkesan.

Pelaksanaan (**Do**) PdP di FSK adalah berpaksikan Teras Strategik Akademik FSK. Bagi FSK Excel, pensyarah dan staf turut berpeluang membangunkan serta melaksanakan **MOOC/MC, menyalurkan maklumat melalui siaran Radio UiTM, selain menganjurkan seminar, bengkel dan konferens** merentasi pelbagai bidang (Bukti 6.3.1). Contohnya melalui pembangunan MOOC/MC, ia dapat membantu pensyarah untuk menguasai teknik pengajaran inovatif, mengintegrasikan teknologi terkini dalam kuliah dan membuka peluang untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman antarabangsa, sekaligus meningkatkan reputasi FSK di peringkat global.

FSK Goes Global menegaskan sinergi pelbagai program pengantarabangsaan melalui Jawatankuasa Pengantarabangsaan, termasuk **mobiliti pelajar dan pensyarah**, jaringan akademik dan penyelidikan, serta **inovasi modul Summer Camp** dengan **penglibatan pelajar luar negara** (Bukti 6.3.2).

Bagi FSK Reach, PdP diperkasakan lagi melalui kolaborasi dengan Komuniti, Industri, dan Alumni di bawah Jawatankuasa ICAN, FSK. Program-program **SULAM, USR dan KTP** yang dijalankan dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat melalui penyebaran ilmu dan kemahiran (Bukti 6.3.3). Melalui program-program ini, FSK bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan tetapi juga sebagai agen perubahan sosial dan ekonomi yang proaktif.

Melalui FSK ClinExpert, latihan & perkhidmatan klinikal diperkukuhkan bagi mendukung proses PdP. Perkhidmatan klinikal dipromosikan melalui **media sosial UiTM dan menerima kunjungan pelanggan dari pelbagai latar belakang komuniti** (Bukti 6.3.4).

Secara keseluruhan, pelaksanaan setiap teras strategik akademik FSK dan pencapaian PI dipantau (**Check**) dengan teliti melalui pelbagai strategi yang terancang. Ini melibatkan **maklum balas dan analisa daripada staf, pelajar dan juga pelanggan** (Bukti 6.3.5). Pada sukuan ketiga, Bengkel Pecutan dilaksanakan (**Action**) di peringkat fakulti bagi pembentangan analisis kebolehcapaian PI serta mengenalpasti sebarang permasalahan yang boleh diatasi dan ditambahbaik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.3.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.3.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.3.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.3.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) melaksanakan pemantauan yang sistematik, menyeluruh dan berterusan terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) merentas empat Teras Strategik Akademik: FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert yang mematuhi piawaian universiti, dan selaras dengan amalan pengurusan risiko dan penilaian berasaskan data.

Mekanisme Pemantauan Pelbagai dan Berstruktur

FSK melaksanakan audit dalaman atau luaran bagi memastikan kualiti PdP dan kurikulum. Dapatan audit **dibentangkan di peringkat pengurusan** sebagai pemantauan (Bukti 6.4.1a). **Penilaian 360 darjah** melalui *Teaching Effectiveness Index*, TEX (SUFO, TESA, dan PRO-PENS) digunakan untuk memantau kualiti pensyarah. **Pelaporan CDL-CQI** turut menyumbang kepada penilaian longitudinal keberkesanan pembelajaran (Bukti 6.4.1b).

Penilaian Risiko dan Kawalan Berasaskan Data

Instrumen seperti **PRO-PENS** (Bukti 6.4.1c) dan kajian kepuasan pelajar membantu **mengenal pasti punca risiko** PdP seperti kekangan sumber atau ketidakselarasan PLO-CLO. Data seperti audit dan SUFO **dibentangkan** dalam mesyuarat kajian semula pengurusan bagi merangka kawalan dan tindakan penambahbaikan untuk memantapkan aspek kebertanggungjawaban dan integriti.

Tindakan Penambahbaikan dan Delegasi Fokus

Hasil pemantauan dimanfaatkan untuk penambahbaikan (CQI) kursus dan penilaian, dengan pelaksanaan didelegasikan kepada penyelar program dan Jawatankuasa Kecil Akademik bagi memperkukuh pemerkasaan serta tadbir urus akademik.

Pemantauan Intervensi Global dan Komuniti

Keberkesanan MoU/MoA dan mobiliti antarabangsa dipantau melalui **laporan berkala PI UiTM**, manakala **sistem PRIME** menilai impak program SULAM, USR/CSR dan KTP terhadap pelajar dan komuniti, mencerminkan pemantauan pelbagai dimensi secara kualitatif dan kuantitatif (Bukti 6.4.1d).

Penilaian Latihan Klinik Holistik

Latihan klinikal **dipantau melalui penilaian penyelia**, OSCE/OSPE dan **kajian kepuasan pelanggan** klinik, yang turut menjadi input kepada pemantauan keberkesanan perkhidmatan Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK) dan pengurusan risiko (Bukti 6.4.1e).

Hasil pemantauan dibentangkan dalam mesyuarat fakulti, menggalakkan keterlibatan, komunikasi dan amalan keputusan berdasarkan risiko. Pemantauan sistematik FSK memastikan kualiti PdP melalui kawalan data, pengurusan risiko dan penambahbaikan berterusan, sekali gus memperkukuh integriti, tadbir urus akademik serta reputasi global fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB04_OC01_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC01_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC01_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC01_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC01_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.4.1e.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK memainkan peranan penting dalam mengenal pasti serta mengurus risiko dan ancaman yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat fakulti.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelenggara daftar risiko, memantau pelaksanaan aktiviti pengurusan **risiko (risk management)**, dan memastikan langkah mitigasi dilaksanakan dengan berkesan oleh setiap pemilik risiko. Risiko di FSK diklasifikasikan kepada empat tahap: rendah, sederhana, tinggi dan ekstrem. Antara risiko operasi yang dikenal pasti termasuk aspek kewangan, beban kerja, pengurusan, dan keberkesanan program.

Bagi FSK Goes Global dan FSK Reach, FSK komited untuk memperkukuh kepakaran dalam pembangunan komuniti dan pengantarabangsa melalui pendekatan berteraskan **engagement** dan **komunikasi** yang berkesan. Pelaksanaan program komuniti dan kerjasama antarabangsa memerlukan **sumber kewangan** yang signifikan (Bukti 6.4.2a). Walau bagaimanapun, penyertaan dalam program sedemikian boleh memberi tekanan kepada bajet dan sumber sedia ada.

Dalam aspek pengurusan strategik dan pengurusan risiko, risiko FSK Excel yang dikenal pasti ialah ketidakupayaan melaksanakan **penilaian akademik** bagi pengukuran **kemahiran klinikal (OSCE/OSPE)** akibat kekangan kewangan (Bukti 6.4.2b). Sekiranya ujian ini tidak dapat dijalankan, kurikulum yang diguna pakai tidak dapat disempurnakan, sedangkan kemahiran klinikal/praktikal amat penting bagi graduan sains kesihatan. Melalui **komunikasi** yang berkesan serta **engagement** semua pihak berkepentingan, tahap **akauntabiliti** dapat diperkukuh untuk memastikan pelaksanaan penilaian ini terjamin. Kegagalan melaksanakan penilaian tersebut akan memberi impak serius kepada pengukuran objektif dalam kurikulum serta menunjukkan penggunaan kewangan yang tidak mampan.

Dalam aspek pengurusan operasi berkait teras FSK ClinExpert, **risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan** telah dikenal pasti sebagai isu utama yang memberi kesan kepada staf, pelajar dan pelawat. Selain itu, masalah **kulat di makmal dan klinik** FSK turut menjejaskan proses penyelidikan, pengajaran, pembelajaran serta kesihatan staf dan pelanggan (pesakit) (Bukti 6.4.2c). Sekiranya berlaku **kecemasan atau kemalangan** tidak dijangka seperti **kebakaran** atau **bencana alam**, potensi kecederaan dan panik adalah tinggi akibat kelemahan **komunikasi** serta kurangnya pengetahuan mengenai prosedur evakuasi yang betul (Bukti 6.4.2d).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC02_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC02_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC02_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC02_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.2d.pdf](#)
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses analisis terhadap tumpuan operasi FSK merupakan langkah kritikal dalam mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan, seterusnya membolehkan tindakan penambahbaikan yang strategik dan berkesan dilaksanakan. Berdasarkan hasil analisis tersebut, beberapa inisiatif utama telah diambil oleh FSK seperti berikut:

FSK telah mengambil langkah proaktif melalui **engagement** dan **komunikasi** strategik dengan **institusi pendidikan antarabangsa**, **badan kerajaan**, dan **organisasi bukan kerajaan (NGO)** bagi mendapatkan penajaan serta dana tambahan untuk menyokong pelbagai inisiatif dan program (Bukti 6.4.3a).

Bagi mengurangkan kos yang berkaitan dengan penyertaan dalam **seminar** dan **persidangan global**, FSK telah memanfaatkan teknologi seperti platform **pembelajaran dalam talian dan webinar** (Bukti 6.4.3b). Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan perjalanan dan penginapan, malah memperkukuh **komunikasi** akademik, meningkatkan **engagement** serta **memperluas** capaian ilmu dan jaringan antarabangsa secara lebih **inklusif**.

Bagi kawalan sedia ada, FSK menggunakan sumber kewangan daripada tabung amanah sebagai langkah **pengurusan risiko** dan memastikan **akauntabiliti** kewangan. Namun begitu, kawalan tambahan dicadangkan melalui **permohonan peruntukan khas** bagi pelaksanaan OSCE/OSPE (Bukti 6.4.3c).

Analisis mendapati **risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan** merupakan isu utama di fakulti. Antara risiko utama ialah **kecemasan atau kemalangan** seperti **kebakaran** dan **bencana alam** yang boleh menyebabkan kecederaan serta panik. Bagi meningkatkan kesiapsiagaan, **latihan kebakaran** telah dianjurkan di bangunan FSK bagi memperkukuh pengetahuan, **komunikasi** dan kesedaran mengenai prosedur keselamatan. Selain itu, masalah kulat di makmal dan klinik turut dikenal pasti kerana memberi kesan kepada kesihatan serta operasi penyelidikan dan pembelajaran. **Aduan kulat direkodkan melalui sistem e-aduan** dan tindakan segera diambil, namun langkah ini hanya bersifat sementara dan memerlukan penyelesaian jangka panjang (Bukti 6.4.3d).

FSK turut memfokuskan kepada pembangunan hubungan **kerjasama jangka panjang** bersama **industri, NGO, dan agensi kerajaan** melalui komunikasi strategik bagi menjamin sokongan berterusan terhadap program-program fakulti. Pada masa yang sama, **engagement** komuniti secara aktif dalam perancangan dan pelaksanaan program dilaksanakan untuk memastikan **inklusiviti** dan keberkesanan program yang benar-benar memenuhi keperluan mereka. Bagi memperkukuh **akauntabiliti**, fakulti telah memperkenalkan **sistem pemantauan dan penilaian berkala**, di samping memanfaatkan data serta maklum balas peserta untuk menambah baik kualiti dan impak program secara berterusan (Bukti 6.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC03_20251_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC03_20252_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC03_20253_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC03_20254_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC03_20255_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI 6.4.3e.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan dan integrasi operasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Fakulti Sains Kesihatan (FSK) disepadukan secara strategik, menjadikan FSK model kecemerlangan akademik bertaraf antarabangsa. Pelaksanaan yang sistematik memacu pembangunan profesionalisme kakitangan, meningkatkan kualiti pendidikan, dan memperluas impak ke peringkat global.

Pemantapan Kurikulum dan Profesionalisme Akademik (FSK Excel)

Kakitangan akademik FSK telah mengadaptasi budaya PdP yang responsif dan dinamik, berpandukan kepada prinsip *accountability* dan *integrity*. Inisiatif seperti penggunaan *Smart Classroom*, **integrasi teknologi** dalam PdP serta pelaksanaan **Pengajaran Kolaboratif (CGCT)** telah meningkatkan keupayaan pensyarah untuk menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih holistik dan interaktif (Bukti 6.5.1). Budaya ini bukan sahaja menyokong *empowerment* kakitangan untuk terus berinovasi, malah menjadikan FSK **rujukan dalam amalan pengajaran transformatif** oleh fakulti-fakulti lain di dalam UiTM, di peringkat kebangsaan dan institusi rakan antarabangsa (Bukti 6.5.1).

Selain itu, sistem *delegation* yang tersusun dalam struktur akademik FSK memastikan perkongsian tanggungjawab yang jelas dalam pembangunan kurikulum dan pelaksanaan PdP. Amalan ini menzahirkan kecekapan pengurusan risiko (*risk management*) dan meningkatkan komunikasi dalam kalangan jawatankuasa dan tenaga pengajar, sekaligus memperkukuh **budaya kerja kolaboratif** (Bukti 6.5.2).

Pengantarabangsaan dan Mobiliti Akademik (FSK Goes Global)

Budaya PdP FSK turut diperluaskan melalui jaringan antarabangsa yang mantap. Program **mobiliti pensyarah dan pelajar** (Bukti 6.5.3), pemeteraian MoU bersama institusi global seperti Universiti Brunei Darussalam, serta pelaksanaan **latihan internship** untuk pelajar dari **universiti luar negara** (Bukti 6.5.3), membuktikan keberkesanan budaya PdP FSK dalam memupuk *inclusivity* dan *intercultural competence*. Pensyarah bukan sahaja menerima pelawat akademik luar negara tetapi turut dijemput menyampaikan kuliah dan bengkel sebagai **pakar jemputan**, menjadikan budaya PdP FSK sebagai penanda aras dalam konteks antarabangsa (Bukti 6.5.3).

Komuniti dan Alumni sebagai Rakan Strategik (FSK Reach)

Budaya PdP FSK tidak terhad kepada bilik kuliah. Ia diperluas kepada komuniti melalui pelaksanaan **SULAM** dan **latihan lapangan**, yang mengintegrasikan pelajar, pensyarah, dan agensi luar dalam **menyelesaikan isu kesihatan setempat** (Bukti 6.5.4). Pensyarah membudayakan engagement dan *accountability* dalam setiap inisiatif berbentuk praktikal, sekaligus mewujudkan peluang pembelajaran sepanjang hayat yang diiktiraf oleh pihak luar, termasuk industri dan alumni. Penglibatan aktif alumni sebagai penceramah jemputan dan penilai kurikulum memperkukuh kitaran *feedback* dan pemerkasaan budaya PdP yang bersifat inklusif.

Strategi: Perkhidmatan Klinikal sebagai Latihan Realistik (FSK ClinExpert)

Amalan PdP FSK turut diterjemahkan secara profesional melalui perkhidmatan klinikal berasaskan komuniti seperti Klinik Optometri Bergerak dan Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK). Pensyarah memainkan peranan penting dalam membudayakan *risk management*, *integrity*, dan *empowerment* pelajar semasa latihan klinikal, menjadikan pengalaman tersebut bukan sahaja relevan tetapi turut dijadikan model oleh institusi kesihatan lain. Malah, usaha ini telah **menarik minat** kerjasama klinikal dengan **agensi luar termasuk NGO dan institusi latihan kesihatan antarabangsa** (Bukti 6.5.4).

Pembudayaan operasi PdP oleh pensyarah membentuk identiti akademik yang **diiktiraf oleh pihak luar UiTM**. Pendekatan ini mendorong amalan PdP yang responsif, profesional dan

11011511. FSK sebagai **pusat rujukan dalam reka bentuk kurikulum** (Buku 6.5.5), inovasi pengajaran dan latihan klinikal berimpak tinggi sekali gus menyokong aspirasi UiTM sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan tinggi melalui penjenamaan *Unleashing Potentials, Shaping the Future*.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB05_20251_FSK-TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.5.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB05_20252_FSK-TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.5.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB05_20253_FSK-TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.5.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB05_20254_FSK-TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.5.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB05_20255_FSK-TUMPUAN KEPADA OPERASI_6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Pembangunan Pelajar Holistik Teras Kecemerlangan

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2024 menyaksikan kejayaan cemerlang FSK UiTM melalui pelbagai pencapaian dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), yang memberi impak besar kepada pelajar, alumni, majikan dan masyarakat di peringkat tempatan serta antarabangsa. **Pelajar pra dan pascasiswazah sebagai pelanggan utama terus menjadi fokus dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan.** Berteraskan empat Teras Strategik Akademik – **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert** – FSK berjaya melahirkan graduan yang cemerlang akademik, holistik, berdaya saing dan diiktiraf di persada global. Melalui pengukuran pencapaian yang sistematik dan efektif, FSK bukan sahaja **berjaya melebihi tahap sasaran yang ditetapkan**, malah mengekalkan **tren peningkatan positif** dalam pelbagai indikator kecemerlangan. **Perbandingan dengan universiti luar dan dalam negara, serta kluster yang sama dalam UiTM** turut membuktikan bahawa **FSK berada pada tahap yang lebih cemerlang dan kompetitif.**

Populariti FSK sebagai penyedia pendidikan berkualiti terbukti melalui **peningkatan enrolmen pascasiswazah**, khususnya pelajar PhD tempatan, yang mencerminkan relevansi program dengan keperluan semasa. Kecemerlangan PdP turut diperkukuh selari dengan **FSK Excel** melalui **kurikulum mantap, pensyarah berprestasi tinggi, kemudahan fasiliti optimum, serta kepuasan pelajar yang dinilai melalui SUFO.** Kejayaan pelajar jelas diterjemahkan dengan **peratusan pelajar bergraduat dengan HPNG >3.5 dan penerima ANC yang melebihi sasaran UiTM.** Selain itu, pada tahun 2024, FSK juga menunjukkan **peningkatan penerima anugerah ASC dan APC.**

Selaras dengan aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University*, melalui teras **FSK Goes Global**, pelajar FSK giat menyertai **program mobiliti antarabangsa inbound dan outbound** yang melebihi sasaran universiti. Penyertaan ini membuka ruang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, jaringan profesional antarabangsa dan keterlihatan global. Kejayaan pelajar di pentas antarabangsa ini mengukuhkan **kebolehpasaran graduan FSK. Penyertaan pelajar FSK dalam program antarabangsa** juga menunjukkan **peningkatan positif** yang melebihi sasaran yang ditetapkan oleh UiTM.

Selain itu, teras **FSK Reach** telah berjaya membentuk jati diri pelajar FSK melalui pelaksanaan **3 program Knowledge Transfer Program (KTP) dan 52 program University Social Responsibility (USR)** yang memberi manfaat kepada **18 komuniti**, jauh melebihi sasaran UiTM. Kejayaan ini turut menghasilkan dana terkumpul sebanyak **RM92,652.15** (peningkatan 44% berbanding sasaran UiTM). Keunggulan FSK dalam menyantuni masyarakat telah diiktiraf oleh UiTM dengan penganugerahan **3 bintang bagi 20 program komuniti** anjuran FSK. Selain itu, pencapaian dalam aspek **rekacipta, inovasi, dan keusahawanan** yang **melebihi sasaran dan menunjukkan peningkatan tren positif** telah membuktikan kejayaan FSK dalam menghasilkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang profesional tetapi juga kreatif dan berdaya saing sebagai usahawan, selari dengan keperluan industri kesihatan masa depan.

Melalui inisiatif **FSK ClinExpert**, Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK) berperanan sebagai platform latihan klinikal yang sistematik bagi memperkukuh kemahiran praktikal pelajar FSK. PRPK bukan sahaja **meningkatkan tahap kompetensi dan kesiapsiagaan pelajar** untuk memasuki alam pekerjaan, malah turut membuka ruang kepada mereka untuk **menyumbang kepakaran melalui penyediaan rawatan/ perkhidmatan yang memberi manfaat kepada komuniti.** Pencapaian ini turut meningkatkan ketampakan FSK UiTM, menjadikannya sebagai universiti dan bidang pilihan. Keberhasilan ini merupakan

manajemen. Untuk dalam menganalisis dan dengan cara tersebut menunjukkan bahwa:

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0042_HB02_20251_FSK_HASIL 1 PELANGGAN_TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0042_HB03_20252_FSK_HASIL 1 PELANGGAN_TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0042_HB04_20253_FSK_HASIL 1 PELANGGAN_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0042_HB05_20254_FSK_HASIL 1 PELANGGAN_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Kemantapan Operasi Mengemudi Penyampaian Pendidikan Cemerlang

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama untuk proses operasi **menekankan kepada keberhasilan teras strategik akademik FSK melalui *FSK Excel* dan *FSK Goes Global*** yang meliputi **pencapaian pengajaran kolaboratif dan pembelajaran e-learning, aktiviti pengantarabangsaan, dan peningkatan bilangan MoU/MoA bersama 300 universiti terbaik dunia.**

Pencapaian-pencapaian ini merupakan petunjuk kepada kecemerlangan dan keberkesanan sistem operasi dalam bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Melalui pendekatan dan inisiatif yang diperkenalkan oleh tampuk kepimpinan FSK yang mapan, segala perancangan dan pelaksanaan operasi dapat dilakukan dengan jayanya.

Dengan pengukuran pencapaian yang efektif, **semua pencapaian melepasi tahap sasaran** yang ditetapkan selain menunjukkan **tren kenaikan positif disamping mengekalkan kecemerlangan.** Kejayaan FSK yang sentiasa menambahbaik sistem operasi akademiknya terbukti telah memberi nilai tambah dan manfaat kepada warga fakulti khususnya, dan meningkatkan ketampakan UiTM secara amnya, sekaligus menjadikan UiTM sebagai universiti pilihan dari segi bidang pengajaran dan pembelajaran.

Pencapaian dalam pengajaran kolaboratif dan pembelajaran e-learning merupakan antara hasil utama bidang tumpuan ini yang mana ia didukung oleh teras strategik akademik ***FSK Excel***. Pencapaian ini menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran adalah bersifat dinamik, yang bukan sahaja terhad di dalam kelas, malahan berjaya menunjukkan kecemerlangan melalui platform yang lain. Ini terbukti melalui **kemenangan FSK dalam merangkul Anugerah Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran pada tahun 2024. Perbandingan dengan pencapaian institusi lain turut menunjukkan FSK lebih cemerlang di dalam penganjuran kursus MOOC pada tahun lepas.**

Pencapaian aktiviti pengantarabangsaan melalui teras strategik akademik ***FSK Goes Global*** merupakan juga hasil utama yang turut diketengahkan. Melalui kemampuan perancangan dan pelaksanaan operasi yang berkesan, kejayaan demi kejayaan telah ditunjukkan oleh FSK. Aktiviti pengantarabangsaan oleh FSK memberikan manfaat yang besar bukan sahaja kepada pensyarah dan pelajar, tetapi juga kepada reputasi UiTM di peringkat global serta hubungan antarabangsa terutamanya dalam bidang akademik. Kualiti pendidikan juga dapat diperkayakan menerusi kurikulum yang bersifat global dan holistik. Keberhasilan ***FSK Goes Global*** diperlihatkan dengan **bilangan MoU/MoA yang ditandatangani bersama 300 universiti terbaik dunia dan aktiviti SULAM di peringkat antarabangsa.** MoU/MoA bersama universiti global adalah medan strategik untuk memperluas capaian, memperkukuhkan kedudukan, dan meningkatkan impak universiti dalam landskap akademik khususnya. Bukan itu sahaja, MoU/MoA juga dapat membantu dalam meningkatkan kualiti pendidikan dengan mengakses sumber akademik yang lebih luas, teknologi terkini, dan idea inovatif dari rakan kongsi antarabangsa. Keterlibatan FSK dalam perjanjian antarabangsa ini **memaparkan pengiktirafan daripada komuniti global**, yang boleh memberi kelebihan dalam akreditasi antarabangsa dan menarik sokongan kolaborasi daripada organisasi luar.

Semua pencapaian hasil utama **membuktikan keberkesanan proses operasi yang telah**

dilaksanakan secara sistematis dan efektif. Hasil dari pendekatan yang berfokus yang telah ditetapkan secara menyeluruh dan bersepadu ternyata membuahkan hasil pencapaian yang cemerlang. Pelbagai inisiatif yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan operasi telah dilakukan secara holistik dengan mengambil kira setiap risiko yang terlibat, mengkaji semula pendekatan dan melaksanakan penambahbaikan sehingga membuahkan kecemerlangan operasi pada tahun 2024.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0042_HB02_20251_FSK_HASIL 2 SUMBER MANUSIA TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0042_HB03_20252_FSK_HASIL 2 SUMBER MANUSIA TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0042_HB04_20253_FSK_HASIL 2 SUMBER MANUSIA PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0042_HB05_20254_FSK_HASIL 2 SUMBER MANUSIA KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Kecemerlangan Sumber Manusia Teras Akademik Gemilang

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah menunjukkan komitmen berterusan terhadap kecemerlangan pengurusan sumber manusia selaras dengan aspirasi universiti dalam mencapai standard kualiti tertinggi. Sokongan padu daripada pensyarah dan staf sokongan akademik telah mewujudkan sinergi yang mantap hasil dari kemahiran berkualiti dan pengalaman khusus, sekaligus memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di FSK.

Sehubungan dengan itu, FSK melalui perancangan strategiknya telah menggariskan empat Teras Strategik Akademik FSK bagi menyokong pencapaian sasaran tersebut iaitu **FSK Excel**, **FSK Goes Global**, **FSK Reach**, dan **FSK ClinExpert**. Pendekatan ini telah membolehkan FSK berjaya mencapai sasaran dengan jayanya. Hal ini terbukti melalui pencapaian cemerlang dan melebihi sasaran bagi petunjuk prestasi (PI) yang disasarkan kepada pembangunan sumber manusia. Diantaranya adalah bagi melahirkan **pensyarah dan staf sokongan akademik yang berkualiti tinggi, berkemahiran khusus, serta berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selain daripada meningkatkan keberkesanan PdP, indeks kebahagiaan dan penjana kewangan secara berterusan.**

Sokongan berterusan FSK telah meningkatkan **bilangan staf yang mendaftar bagi pengajian PhD kepada 150% berbanding tahun 2023** selain merekodkan **jumlah staf berkelayakan PhD yang melebihi sasaran UiTM dan Objektif Kualiti FSK. Peningkatan ketara turut diserlahkan oleh penglibatan staf dalam badan akademik/ profesional antarabangsa dan kebangsaan/ persatuan/ NGO berbanding dua tahun lepas.** Peningkatan yang memberangsangkan, **melebihi sasaran tahunan UiTM turut dicatatkan bagi pencapaian bilangan staf dengan pengalaman industri serta berkelayakan profesional.** Bagi **bilangan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran keusahawanan, pencapaian PI menunjukkan peningkatan positif dari tahun 2022 hingga 2024.** Seterusnya, FSK telah berjaya menghasilkan **tren positif penjana pendapatan** melalui aktiviti PRPK, yang konsisten **melebihi sasaran tahunan.** Dari aspek keberkesanan PdP, FSK berjaya memperoleh skor keseluruhan TEX, SuFO dan PRO-PENS pada tahap cemerlang (skor >90%) dimana **FSK telah berjaya menduduki tempat pertama bagi skor keseluruhan TEX, SUFO dan PRO-PENS dalam Kluster Perubatan dan Kesihatan UiTM.** Selain itu, hasil keprihatinan FSK terhadap warganya, pencapaian **Indeks Kebahagiaan tahun 2024** turut menunjukkan peningkatan sebanyak **150% berbanding tahun sebelumnya.**

Pengurusan sumber manusia yang mampan dan berkesan menjadi asas kejayaan pelaksanaan Teras Strategik Akademik FSK serta melonjakkan reputasi fakulti ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini terbukti dengan pengiktirafan FSK dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024)** UiTM. Kecemerlangan ini diperkukuh apabila FSK dijadikan sebagai **rujukan penandaarasan bukan sahaja di peringkat UiTM, tetapi juga oleh universiti lain. Ia juga dibuktikan melalui pengiktirafan kepakaran pensyarah FSK di peringkat kebangsaan dan antarabangsa** melalui pelantikan sebagai Profesor Pelawat, Pensyarah/ Profesor Adjung dan Penasihat Akademik serta sumbangan kepakaran mereka bersama staf sokongan akademik, melalui **jemputan oleh media arus perdana** seperti televisyen, radio dan penerbitan artikel. Kejayaan ini merupakan manifestasi perancangan strategik yang mampan serta dedikasi pensyarah dan staf sokongan akademik FSK yang berdaya saing.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0042_HB02_20251_FSK_HASIL 3_TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0042_HB03_20252_FSK_HASIL 3_TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0042_HB04_20253_FSK_HASIL 3 OPERASI_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0042_HB05_20254_FSK_HASIL 3 OPERASI_KEPENTINGAN.pdf](#)